

2010

Laporan Tahunan Annual Report

From Malaysia to the world



Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Malaysia External Trade Development Corporation

KANDUNGAN

2 **Perutusan Pengerusi**

Perutusan Pengerusi

5 **Maklumat Korporat**

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia Akta 1992

Visi, Misi dan Fungsi-fungsi

Struktur Organisasi

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit

Pengurusan Kanan

Rangkaian Antarabangsa dan Rangkaian Tempatan di Malaysia

21 **Tumpuan Korporat**

Tumpuan Aktiviti Penggalakan Perdagangan

Memperluaskan Pemiagaan Halal

Mengoptimumkan Peluang Pemiagaan Serantau

Penjenamaan Sektor Perkhidmatan Malaysia

Masakan Malaysia Merentasi Dunia

Strategi Pemasaran

Peningkatan Sumber Manusia

Perkongsian Pengetahuan

Merancang Hala Tuju

31 **Prestasi Perdagangan**

Lima Destinasi Eksport Utama 2010

Rakan Perdagangan Utama

Perkembangan Pasaran Serantau

Hala Tuju 2011

37 **Pemasaran Strategik**

Memperluaskan Pasaran Global Malaysia

Produk dan Perkhidmatan

69 **Perkhidmatan Sokongan Dagangan**

Memperkasakan Pengeksport

Membimbing Pengeksport EKS

Membangun Pengeksport Bumiputera

Memupuk Pengeksport Wanita

Sokongan Kewangan

Pemudahan Eksport

Pertanyaan Perdagangan

Anugerah Kecemerlangan Eksport

Perutusan Pengerusi

Jumlah perdagangan pada 2010 mencatatkan pemulihan sebanyak 18.3 peratus kepada RM1.169 trilion, berbanding dengan penguncupan 16.6 peratus pada 2009. Eksport berkembang sebanyak 15.6 peratus kepada RM639.43 bilion sementara import meningkat 21.7 peratus kepada RM529.19 bilion, menghasilkan lebih dagangan sebanyak RM110.23 bilion.

Eksport sektor perkilangan meningkat sebanyak 11.6 peratus kepada RM460.96 bilion, menyumbang 72.1 peratus kepada jumlah eksport Malaysia pada 2010. Eksport sektor galian berkembang dengan 28.5 peratus kepada RM101.90 bilion sementara sektor pertanian meningkat sebanyak 29.6 peratus kepada RM71.80 bilion.

Pada 2010, perdagangan dengan hampir kesemua rantau mencatat pertumbuhan positif. Asia Timur Laut kekal sebagai pasaran terbesar Malaysia, diikuti Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Amerika Utara dan Kesatuan Eropah (EU). Rakan perdagangan terbesar Malaysia adalah Republik Rakyat China, Singapura, Jepun, Amerika Syarikat dan Thailand, menyumbang 52.2 peratus atau RM610.17 bilion daripada jumlah perdagangan Malaysia.

Tumpuan berterusan aktiviti penggalakan eksport sepanjang tahun oleh MATRADE menyumbang kepada peningkatan eksport pada 2010. Dalam usaha penggalakan produk dan perkhidmatan Malaysia ke pasaran maju dan baru muncul, MATRADE menganjurkan 268 aktiviti penggalakan pada 2010. Program penggalakan perdagangan oleh MATRADE termasuk pertemuan perniagaan semasa lawatan rasmi YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri ke luar negara, 30 Pameran Perdagangan Antarabangsa, tujuh Misi Perdagangan dan Pelaburan, 34 Misi Pemasaran Khusus, 57 Misi Belian dan 34 Kaunter Promosi.

Kejayaan penganjuran aktiviti penggalakan telah menjana hasil jualan langsung sebanyak RM214 juta dan jualan berpotensi sebanyak RM13.63 bilion melalui penyertaan dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa. Misi Perdagangan dan Pelaburan mencatat jualan langsung bernilai RM 3.5 juta dan jualan berpotensi berjumlah RM147.99 juta sementara Misi Pemasaran Khusus menjana jualan langsung bernilai RM16.02 juta dan jualan berpotensi berjumlah RM 2.83 bilion.

MATRADE menganjurkan dua pameran perdagangan antarabangsa di Malaysia. Pameran produk dan perkhidmatan halal bertaraf dunia, *Malaysia International Halal Showcase 2010* (MIHAS 2010) yang dianjurkan dari 23 hingga 27 Jun 2010 menjana jualan langsung bernilai RM6.2 juta dan jualan berpotensi berjumlah RM1.1 bilion. *International Trade (INTRADE) Malaysia 2010* yang diadakan dari 9 hingga 11 November 2010, mempromosi pelbagai produk dan perkhidmatan telah merekodkan jualan langsung bernilai RM234.69 juta dan jualan berpotensi berjumlah RM4 bilion.

Sektor perkhidmatan terus kekal penting bagi pertumbuhan ekonomi. *Malaysia Services Exhibition* (MSE) 2010 telah dianjurkan buat kali ketiga berturut-turut dari 13 hingga 15 April 2010 di *Dubai International Convention and Exhibition Centre* (DICEC), Dubai, Emiriyah Arab Bersatu. MSE merupakan pameran solo Malaysia yang bertujuan untuk mengetengahkan keupayaan pembekal perkhidmatan Malaysia kepada komuniti perniagaan antarabangsa. Pembekal perkhidmatan Malaysia, organisasi dan agensi kerajaan berkaitan dengan pembinaan, perkhidmatan profesional, minyak dan gas, penjagaan kesihatan, kewangan, pendidikan dan francais menyertai pameran ini. Projek berpotensi bernilai RM12.8 bilion telah dikenalpasti oleh pembekal perkhidmatan Malaysia semasa MSE.

Fungsi asas MATRADE selain daripada penggalakan perdagangan adalah bagi meningkatkan keupayaan para pengeksport Malaysia untuk menceburi pasaran global. MATRADE telah menganjurkan 39 program latihan,

termasuk seminar, taklimat dan bengkel yang disertai oleh sejumlah 4,817 peserta.

Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) merupakan sektor penting yang menerima tumpuan khusus melalui pelbagai inisiatif oleh MATRADE. Ini termasuk bantuan kewangan melalui Geran Pembangunan Pasaran (MDG) dan Dana Eksport Perkhidmatan (SEF).

Program bantuan khas untuk EKS, Pembangunan Pengeksport Baru (NED) bagi membangun dan membantu syarikat Bumiputera di bawah Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP) dan syarikat milikan wanita di bawah Program Pembangunan Pengeksport Wanita (WEDP) terus dilaksanakan pada 2010. Menerusi program ini, bantuan diberikan kepada syarikat yang terpilih bagi tempoh tiga tahun untuk meningkatkan pengetahuan dan membangunkan kemahiran peserta melalui latihan serta aktiviti penggalakan perdagangan.

MATRADE menganjurkan 40 aktiviti penggalakan antarabangsa bagi syarikat di bawah BEDP. Sejumlah 29 syarikat yang menyertai aktiviti sedemikian merekodkan jualan berpotensi sebanyak RM4.8 juta. Di bawah WEDP, 19 syarikat menyertai 41 aktiviti penggalakan antarabangsa pada 2010. Syarikat yang menyertai aktiviti ini mencatat jualan berpotensi berjumlah RM10.6 juta.

Sistem aplikasi dan infrastruktur teknologi maklumat bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan telah disediakan pada 2010. Antara pangkalan data baru yang disediakan termasuk *Core Business Management System, Malaysia*



Export and Import Information System (MEXIIS), Malaysian Diaspora dan pengeksporth Bumiputera.

Pada 2010, MATRADE terus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangannya melalui 188 program pembangunan sumber manusia bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada para pelanggannya. Program-program ini meliputi Kepimpinan, Bimbingan, Pengurusan, Kemahiran Bahasa, Pengurusan Kewangan, Pemasaran, Teknologi Maklumat, Amalan Perdagangan Antarabangsa dan Langkah-langkah di Dalam Proses Mengeksporth.

Hala Tuju 2011

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan pertumbuhan ekonomi negara sedang membangun akan mencapai 6.5 peratus pada 2011, berbanding dengan pertumbuhan 7 peratus yang dicatat pada 2010.

Bank Dunia menjangkakan jumlah perdagangan dunia meningkat sebanyak 11.2 peratus pada 2011, berbanding dengan 15.7 peratus pada tahun sebelumnya. Pada 2011, IMF mengunjurkan pertumbuhan eksport sebanyak 6.2 peratus bagi negara maju dan 9.2 peratus bagi negara sedang membangun. Jumlah import dijangka berkembang sebanyak 5.5 peratus bagi negara maju dan 11.9 peratus bagi negara sedang membangun. Berdasarkan kepada tinjauan ekonomi dan perdagangan global, perdagangan Malaysia pada 2011 dijangka akan berkembang pada kadar perlahan berbanding dengan 2010.

Bagi 2011, MATRADE akan menjajarkan aktiviti penggalakannya dengan Rancangan Malaysia Ke-10 dan Model Ekonomi Baru. Tumpuan terus diberikan kepada pasaran yang giat berkembang, pasaran yang mempunyai kelebihan akses, pasaran di mana Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dimanfaatkan. Di samping itu, penekanan turut diberikan kepada perluasan sumber eksport serta kepelbagaian peluang di pasaran tradisional dengan tujuan menerokai sumber pertumbuhan baru khususnya dalam sektor perkhidmatan. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 eksport dijangka akan berkembang 10.6 peratus setahun.

MATRADE akan terus mendorong peningkatan eksport produk dan perkhidmatan Malaysia melalui penyelarasan strategi penggalakan perdagangan yang dilaksanakan menerusi program dan aktiviti serta jalinan kerjasama yang kukuh dengan sektor swasta serta persatuan perdagangan dan industri.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Tan Sri Halim Mohammad, Datin Paduka Siti Sa'diah Bakir dan Datuk Seri Shahril Shamsuddin yang paling lama berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah MATRADE. Sumbangan mereka sungguh besar dalam membimbing MATRADE selama ini.

Saya ingin turut merakamkan penghargaan kepada Tan Sri Abdul Rahman Mamat dan Encik Fauzi Rahmat di atas sumbangan yang tidak ternilai sebagai Ahli Lembaga Pengarah di dalam melaksanakan aktiviti MATRADE.


Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak pengurusan dan warga kerja MATRADE di atas komitmen dan sumbangan yang diberikan kepada MATRADE. Menerusi pasukan yang berdedikasi ini, MATRADE akan terus maju ke hadapan di dalam mencapai visi dan misi organisasi.



Dato' Mah Siew Keong
Pengerusi

Maklumat Korporat

- 6 Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia Akta 1992
- 6 Visi, Misi dan Fungsi-fungsi
- 7 Struktur Organisasi
- 8 Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit
- 10 Pengurusan Kanan
- 12 Rangkaian Antarabangsa dan Rangkaian Tempatan di Malaysia



Republik Rakyat China penggerak eksport produk E&E

Eksport produk E&E Malaysia ke Republik Rakyat China berjumlah RM40.93 bilion pada 2010 berbanding RM36.65 bilion pada 2009.

Akta Parlimen

**Perbadanan
Pembangunan
Perdagangan Luar
Malaysia (MATRADE)**
telah diperbadankan di
bawah **Akta 490**
**Undang-undang
Malaysia.**

Akta 490

**Perbadanan
Pembangunan
Perdagangan Luar
Malaysia Akta 1992**

Suatu Akta yang membenarkan penubuhan badan korporat yang dinamakan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, dan perkara yang berkaitan dengannya.

Visi

**Menempatkan Malaysia sebagai
Negara Perdagangan Global
yang Kompetitif.**

Misi


**Mempromosikan Enterpris
Malaysia ke Pasaran Dunia.**

Fungsi-fungsi

- Menggalak, membantu dan membangunkan perdagangan luar Malaysia dengan penekanan tertentu ke atas eksport keluaran terkilang dan separa terkilang dan terlibat dalam aktiviti import secara selektif;
- Membentuk dan melaksanakan suatu strategi pemasaran eksport negara bagi menggalakkan pengeksportan keluaran terkilang dan separa terkilang;
- Menjalankan risikan komersil dan kajian pasaran dan mewujudkan suatu pangkalan data maklumat yang komprehensif bagi mempertingkatkan dan membangunkan perdagangan;
- Mengelolakan program - program latihan bagi mempertingkatkan kemahiran pemasaran antarabangsa pengeksport-pengeksport Malaysia;
- Menambah dan melindungi kepentingan-kepentingan perdagangan antarabangsa Malaysia di luar negeri;
- Mewakili Malaysia dalam mana-mana forum antarabangsa berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubung dengan perdagangan;
- Membangunkan, menggalakkan, memudahkan dan membantu dalam bidang-bidang perkhidmatan yang berhubung dengan perdagangan; dan
- Menasihati Kerajaan mengenai perkara-perkara yang menyentuh atau dengan apa-apa jua cara berkaitan dengan perdagangan dan untuk bertindak sebagai ejen Kerajaan atau bagi mana-mana orang, badan atau organisasi mengenai perkara-perkara sedemikian.

Struktur Organisasi

Fungsi utama MATRADE adalah penggalakan eksport Malaysia dan pembangunan produk dan perkhidmatan, merupakan struktur asas yang membolehkan penyediaan servis yang tertumpu kepada pelanggan. Pada 2010 MATRADE mempunyai 617 kakitangan yang memberi perkhidmatan berkesan kepada stakeholders. MATRADE mengekalkan pejabat luar negeranya khususnya 35 Pejabat Perdagangan dan lima Pejabat Pemasaran.



Lembaga Pengarah



1. **YBhg. Tan Sri Dato' Halim Mohammad**

Pengerusi 16 September 1997—01 April 2010

2. **YBhg. Dato' Mah Siew Keong**

Pengerusi 16 September 2010—15 September 2012

3. **YBhg. Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir**

01 Ogos 1999—31 Julai 2010

4. **YBhg. Datuk Seri Shahril Shamsuddin**

01 Ogos 1999—31 Julai 2010

5. **YBhg. Dato' Hazimah Zainuddin**

01 Jun 2003—31 Mei 2011

6. **YBhg. Dato' Wong Siew Hai**

01 Ogos 2005—31 Julai 2012

7. **YBhg. Datin Paduka Nurmala Abd. Rahim**

02 Mac 2007—19 Ogos 2012

8. **YBhg. Tan Sri Datuk Mustafa Mansur**

01 Mei 2008—30 April 2011



9



11



13



10



12

9. **En. Koshy Thomas**

01 Ogos 2008—31 Julai 2012

10. **En. Mohd Fauzi Rahmat**

01 Ogos 2008—30 Oktober 2010

11. **YBhg. Tan Sri Abdul Rahman Mamat**

03 September 2009—06 Disember 2010
(Pemangku Pengerusi: 01 April 2010—15 September 2010)

12. **YBhg. Datuk Dr. Rebecca Fatima Sta Maria**

07 Disember 2010—06 Disember 2012

13. **YBhg. Dato' Noharuddin Nordin**

26 Disember 2006—Kini

Jawatankuasa Audit

1. **YBhg. Dato' Wong Siew Hai**

22 November 2005—30 Julai 2012

2. **YBhg. Dato' Hazimah Zainuddin**

22 November 2005—31 Mei 2011

3. **YBhg. Datin Paduka Nurmala Abd. Rahim**

01 September 2010—19 Ogos 2012

4. **En. Koshy Thomas**

01 Ogos 2008—31 Julai 2012

Pengurusan Kanan



1. **YBhg. Dato' Noharuddin Nordin**
Ketua Eksekutif

2. **YBhg. Dato' Mohamad Kamarudin Hassan**
Timbalan Ketua Eksekutif

3. **Dr. Wong Lai Sum**
Timbalan Ketua Eksekutif

4. **Pn. Susila Devi**
Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Produk dan Perkhidmatan

5. **YBhg. Dato' Zakaria Kamaruddin**
Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Pengeksport

6. **En. Jamaludin Hussain**
Pengarah Kanan, Bahagian Khidmat Pengurusan

7. **En. Md. Silmi Abd Rahman**
Pengarah, Seksyen Kemahiran Pengeksport dan Sokongan Pasaran, Bahagian Pembangunan Pengeksport



8

9

10

11

12

13

14

8. En. Zulkepli Mohd Perai

Pengarah, Seksyen Asia Barat / Afrika, Bahagian Rangkaian Antarabangsa dan Galakan Perdagangan

9. En. Abu Bakar Koyakutty

Pengarah, Seksyen Eropah, Bahagian Rangkaian Antarabangsa dan Galakan Perdagangan

10. Pn. Aureen Jean Nonis

Pengarah, Seksyen Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Produk dan Perkhidmatan

11. En. Mohd Mustafa Abd Aziz

Pengarah, Seksyen Asia Timur Laut / ASEAN, Bahagian Rangkaian Antarabangsa dan Galakan Perdagangan

12. YM Raja Nor Zihan Raja Mohsin

Pengarah, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat

13. En. Prakas Nair

Pengarah, Seksyen Amerika, Bahagian Rangkaian Antarabangsa dan Galakan Perdagangan

14. En. Mohd Aminudin Sham Tajuddin

Pengarah, Bahagian Perancangan Strategik

Rangkaian Antarabangsa | PEJABAT PERDAGANGAN DAN PEMASARAN

Afrika

Kaherah

Kedutaan Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
17th Floor, North Tower
Nile City Building
Cornish El-Nil Street
Cairo, **Mesir**

T +2 02 2 461 9063

+2 02 2 461 9064

F +2 02 2 461 9065

E cairo@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Wan Ahmad Tarmizi Wan Idris



En. Wan Ahmad Tarmizi
Wan Idris

Johannesburg

Malaysia Trade Centre
Ground Floor, Building 5
Commerce Square Office Park
39 Rivonia Road, Sandhurst
Sandton, Johannesburg

Republic of South Africa

T +27 11 268 2380

+27 11 268 2381

F +27 11 268 2382

E johannesburg@matrade.gov.my

Trade Commissioner

Mdm. Norhaliza Halid

Asst. Trade Commissioner

Mr. Norman Dzulkarnain Mohd Nasri



Mdm. Norhaliza Halid

Nairobi

Suruhanjaya Perdagangan Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
No. 58, Red Hill Road Gigiri
P.O. Box 42286
00200, Nairobi

Kenya

T +254 20 7120915

F +254 20 7120916

E nairobi@matrade.gov.my

Pegawai Pemasaran

En. Titus Kavisi Maluki



En. Titus Kavisi Maluki

Asia Tengah

Tashkent

Pejabat Perdagangan (MATRADE)
Kedutaan Malaysia
28, Maryam Yakubova Street
Yakkasaray District
100 031 Tashkent

Republik Uzbekistan

T +998 71 256 67 07

F +998 71 256 69 09

E tashkent@matrade.gov.my

Pegawai Pemasaran

En. Abdulaziz Yunusov



En. Abdulaziz Yunusov

Australia

Sydney

Konsulat Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Level 4, Malaysia Airlines Building
16 Spring Street, NSW 2000

Australia

T +61 2 9252 2270

F +61 2 9252 2285

E sydney@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Md. Shaiful Md Shariff

Penolong Pesuruhjaya

Perdagangan

Cik Norharliza Mohamad Yunos



En. Md. Shaiful Md Shariff

Asia Selatan

Chennai

Konsulat Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Capitale 2A, 2nd Floor
554 & 555, Anna Salai, Teynampet
Chennai 600 018, **India**

T +91 44 2431 3722

+91 44 2431 3723

+91 44 2431 3724

F +91 44 2431 3725

E chennai@matrade.gov.my

Konsul/Pesuruhjaya Perdagangan

En. Shah Nizam Ahmad

Penolong Pesuruhjaya

Perdagangan

En. Khaifil Elmi Jamil



En. Shah Nizam Ahmad

Mumbai

Konsulat Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Suite 301, 3rd Floor, Naman Centre
Block G, Bandra Kurla Complex,
Bandra (E) Mumbai 400051, **India**

T +91 22 2659 7272

+91 22 2659 7273

F +91 22 2659 7274

E mumbai@matrade.gov.my

Konsul (Perdagangan) / Pesuruhjaya

Perdagangan

En. Noraslan Hadi Abdul Kadir

Penolong Pesuruhjaya

Perdagangan

En. Omar Mohd Salleh



En. Noraslan Hadi
Abdul Kadir

Asia Timur

Beijing

Kedutaan Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Unit E, 11th Floor, Tower B
Gateway Plaza
No. 18, Xiaguangli, North Road
Dongsanhuan
Chaoyang District, Beijing 100027

Republik Rakyat China

T +86 10 8451 5109

+86 10 8451 5113

F +86 10 8451 5112

E beijing@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

Pn. Wan Norma Wan Daud

Penolong Pesuruhjaya

Perdagangan

Pn. Wong Pooi Kuan



Pn. Wan Norma
Wan Daud

Guangzhou

Konsulat Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Unit 5305, Citic Plaza Office Tower
233, Tianhe Bei Road
Guangzhou, 510610 Guangdong

Republik Rakyat China

T +86 20 3877 3975 (DL)

+86 20 3877 3865 (GL)

F +86 20 3877 3985

E guangzhou@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Sim Kok Aun

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

En. Mohd Salleh Azwa Samshudin



En. Sim Kok Aun

Rangkaian Antarabangsa

PEJABAT PERDAGANGAN DAN PEMASARAN

Asia Timur

Shanghai

Konsulat Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Unit 807-809, Level 8
Shanghai Kerry Centre
No. 1515, Nan Jing Road (West)
Shanghai, 200040

Republik Rakyat China

T +86 21 6289 4467

+86 21 6289 4420

F +86 21 6289 4381

E shanghai@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Mansor Shah Wahid

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

Pn. Aninawati Saleh



En. Mansor Shah Wahid

Chengdu

Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
Pejabat Perwakilan Chengdu
Level 14, Unit 1402 – 1404
The Office Tower, Shangri-La Centre
9 Binjiang Road (East)
Chengdu 610021, Sichuan Province

Republik Rakyat China

T +86 28 6687 7517

F +86 28 6687 7524

E chengdu@matrade.gov.my

Pengarah

En. Syed Mohamad Fairus Shaik Ismail



En. Syed Mohamad
Fairus Shaik Ismail

Hong Kong

Konsulat Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
19th Floor, Malaysia Building
50, Gloucester Road, Wanchai
Hong Kong Special Administrative
Region, **Republik Rakyat China**

T +852 2527 8109

F +852 2804 2866

E hongkong@matrade.gov.my

Konsul / Pesuruhjaya

Perdagangan

En. Choong Wan Sern

Penolong Pesuruhjaya

Perdagangan

Pn. Sa'adah Amminudin



Pn. Choong Wan Sern

Tokyo

Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)
Ginza Showadori Building, 6F
8-14-14, Ginza, Chuo-ku
Tokyo 104-0061

Jepun

T +81 3 3544 0712

+81 3 3544 0713

F +81 3 3544 0714

E tokyo@matrade.gov.my

Pengarah

En. Kua Kiat Chye



En. Kua Kiat Chye

Osaka

Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)
Mainichi Intecio 18F
3-4-5, Umeda, Kita-ku,
Osaka 530-0001

Jepun

T +81 6 6451 6520

F +81 6 6451 6521

E osaka@matrade.gov.my

Pegawai Pemasaran

En. Hiroshi Hashizume



En. Hiroshi Hashizume

Taipei

Pejabat Persahabatan dan
Perdagangan Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
10F-D, Hung Kuo Building
No. 167 Dun Hua North Road
Taipei 105, **Taiwan**

T +886 2 2545 2260

F +886 2 2718 1877

E taipei@matrade.gov.my

Pengarah

Pn. Jamaliah Jamaludin



Pn. Jamaliah Jamaludin

Asia Timur

Seoul

Kedutaan Malaysia (Seksyen
Perdagangan dan Pelaburan)
17 th. Floor, SC First Bank Building
100, Gongpyung-Dong, Jongro-Gu
Seoul 110-702

Republik Korea

T +82 2 739 6812 (DL)
+82 2 739 6813/6814 (GL)

F +82 2 739 6815

E seoul@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. A Rashid Mohd Zain



En. A Rashid Mohd Zain

Asia Tenggara

Singapura

Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)
#33-01/03 Shaw Towers
100, Beach Road
189702

Singapura

T +65 6392 2238

F +65 6392 2239

E singapore@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Naim Abdul Rahman

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

Pn. Hasnita Mohd Hassan



En. Naim Abdul Rahman

Bangkok

Kedutaan Malaysia
Pejabat Komersial dan Pelaburan
No 3601, Level 36,
Q House Lumpini Building,
South Sathorn Road,
Tungmahamek, Sathorn,
10120 Bangkok, **Thailand**

T +66 2 677 7392

F +66 2 677 7390

E bangkok@matrade.gov.my

Kaunselor Penggalakan Eksport/ Pesuruhjaya Perdagangan

En. Jai Shankar Suppayah

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

En. Azmir Ab. Ghaffar



En. Jai Shankar
Suppayah

Jakarta

Kedutaan Malaysia
Perbadanan Pembangunan Perdagangan
Luar Malaysia (MATRADE)
12th Floor, Plaza Mutiara
Jl. Lingkar Kuningan
Kav. E.1.2, No. 1 & 2
Kawasan Mega Kuningan
Jakarta 12950, **Indonesia**

T +62 21 576 4322 (DL)

+62 21-576 4297

F +62 21-576 4321

E jakarta@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Nadzri Shamsudin

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

En. Mohd Hafiz A. Jalil



En. Nadzri Shamsudin

Manila

Kedutaan Malaysia
Pejabat Perdagangan (MATRADE)
Level 4/F, HanjinPhil Building
1128, University Parkway
North Bonifacio, Global City
1634 Taguig, **Filipina**

T +63 2 556 8645

+63 2 556 8646

+63 2 556 8647

F +63 2 403 6387

E manila@matrade.gov.my

Kaunselor Penggalakan Eksport/ Pesuruhjaya Perdagangan

En. Har Man Ahmad



En. Har Man Ahmad

Rangkaian Antarabangsa

PEJABAT PERDAGANGAN DAN PEMASARAN

Asia Tenggara

Ho Chi Minh City

Konsulat Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
1206-1207, 12th Floor, Me Linh Point
Tower
No. 2, Ngo Duc Ke Street, District 1
Ho Chi Minh City, **Vietnam**
T +84 8 3822 1468
F +84 8 3823 1882
E hcmc@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan
En. Ahmad Shanizam Abd Ghani



En. Ahmad Shanizam
Abd Ghani

Hanoi

Kedutaan Malaysia
Pejabat Perdagangan (MATRADE)
45-46 Dien Bien Phu Street
Ba Dinh District
Hanoi, **Vietnam**
T +844 3734 7521
F +844 3734 7520
E hanoi@matrade.gov.my
Pegawai Pemasaran
En. Pham Van Hoi



En. Pham Van Hoi

Phnom Penh

Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)
No. 220-222, Preah Norodom
Boulevard, Sangkat Tonle Bassac,
Khan Chamkarmorn,
Phnom Penh, **Cambodia**
T +855 23 724 003
F +855 23 724 060
E phnompenh@matrade.gov.my
Pegawai Pemasaran
En. Pol Samon



En. Pol Samon

Asia Barat

Dubai

Pusat Perdagangan Malaysia
d/a Konsulat Jeneral Malaysia
Lot 1-3 Ground Floor &
6-10 Mezzanine Floors
Al-Safeena Building (Near Lamcy Plaza)
Zaabeel Road, P.O. Box 4598
Dubai, **Emiriyah Arab Bersatu**
T +971 4-335 5528
+971 4 335 5538
F +971 4 335 2220
E dubai@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Kanan Perdagangan
Dato' Dzulkifli Mahmud
Penolong Pesuruhjaya Perdagangan
En. Mazlan Harun



Dato' Dzulkifli Mahmud

Jeddah

Konsulate Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
14th Floor, Saudi Business Centre
Madina Road
P.O Box 20802
Jeddah 21465, **Arab Saudi**
T +966 2 653 2143
+966 2 653 2198
F +966 2 653 0274
E jeddah@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan
En. Amran Yem



En. Amran Yem

Eropah

Paris

Service Commercial De Malaisie
(MATRADE)
De L'Ambassade De Malaisie
90, Avenue des Champs Elysees
75008 Paris, **Perancis**

T +33 1 4076 0000

+33 1 4076 0034

F +33 1 4076 0001

E paris@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

Cik Nurdiana Abdullah



Cik Nurdiana Abdullah

Frankfurt

Konsulat Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Level 17, Kastor-Hochhaus
Platz der Einheit 1
60327 Frankfurt am Main

Jerman

T +49 69 2475015 10

F +49 69 2475015 20

E frankfurt@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Kanan Perdagangan

En. Mohamad Sabri Ab Rahman

Penolong Pesuruhjaya

Perdagangan

Pn. Siti Nordiana Mohd Akhir



En. Mohamad Sabri
Ab Rahman

The Hague

Kedutaan Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Rustenburgweg 2
2517 KE The Hague

Belanda

T +31 10 4627 759

F +31 10 4627 349

E rotterdam@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

Pn. Jamilah Ibrahim



Pn. Jamilah Ibrahim

Kiev

Kedutaan Malaysia
Pejabat Perdagangan (MATRADE)
No. 25 Buslivka Street
Perchersk, Kiev 01014

Ukraine

T +380 44 286 7128

F +380 44 286 8942

E kiev@matrade.gov.my

Pegawai Pemasaran

En. Vitaly Vladimirovich Boiko



En. Vitaly Vladimirovich
Boiko

London

Suruhanjaya Perdagangan Malaysia
(MATRADE)
3rd and 4th Floor
17 Curzon Street
London W1J 5HR

United Kingdom

T +44 20 7499 5255

+44 20 7499 4644

F +44 20 7499 4597

E london@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Raja Badrulnizam

Kamalzaman

Penolong Pesuruhjaya

Perdagangan

Pn. Emeliana Zainol



En. Raja Badrulnizam
Raja Kamalzaman

Moscow

Kedutaan Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
2nd Floor, R01-209
Dobrynya Business Center
#8, 4th Dobryninskiy per.
119409 Moscow

Persekutuan Rusia

T +7 495 933 5626

+7 495 933 5636

F +7 495 933 5646

E moscow@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Khairul Nizam Moonier



En. Khairul Nizam
Moonier

Rangkaian Antarabangsa

PEJABAT PERDAGANGAN DAN PEMASARAN

Eropah

Budapest

Kedutaan Malaysia
Pejabat Perdagangan
(MATRADE)
Pasareti ut 29
1026 Budapest

Hungary

T +36 1 488 0810
+36 1 461 0290 (DL)
F +36 1 488 0824
E budapest@matrade.gov.my

Pegawai Pemasaran

Cik Csilla Nyerges



Cik Csilla Nyerges

Milan

Konsulat Malaysia
Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)
Piazza Missori 3,
4th Floor, 20123
Milan, Itali

T +39 02 669 81839
F +39 02 670 2872
E milan@matrade.gov.my

Konsul / Pesuruhjaya Perdagangan

Pn. Siti Azlina Mohd Ali Hanafiah



Pn. Siti Azlina Mohd Ali Hanafiah

Warsaw

Kedutaan Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Premises No. S-09.3
Zlote Tarasy Tower
UL.Zolty 59,00-120
Warsaw, Republik Poland

T Untuk disahkan
Untuk disahkan

F Untuk disahkan

E warsaw@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Wan Azhamuddin Jusoh



En. Wan Azhamuddin Jusoh

Amerika Utara

Los Angeles

Konsulat Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
550 South Hope Street, Suite 400
Los Angeles CA 90071

Amerika Syarikat

T +1 213 892 9034
F +1 213 955 9142
E losangeles@matrade.gov.my

Konsul Commercial / Konsul Komersial/Pesuruhjaya Perdagangan

En. Fauzi Ayob

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

Cik Norbilah Hussein



En. Fauzi Ayob

Miami

Pusat Perdagangan Malaysia
703 Waterford Way
Suite 150
Miami, Florida 33126

Amerika Syarikat

T +1 305 267 8779
F +1 305 267 8784
E miami@matrade.gov.my

Pengarah

En. Jonathan Andrew Rao James



En. Jonathan Andrew Rao James

Amerika Utara

New York

Konsulat Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
3rd Floor, 313 East, 43rd Street
New York, NY 10017

Amerika Syarikat

T +1 212 682 0232

F +1 212 983 1987

E newyork@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Kanan Perdagangan

En. Mohd Mustafa Abdul Aziz

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

En. Zuaziezle Zulkifli



En. Mohd Mustafa
Abdul Aziz

Toronto

Konsulat Malaysia (Trade Office)
First Canadian Place
100 King Street West
Suite 5130, P.O. Box 389
Toronto, M5X 1E2, **Kanada**

T +1 416 504 6111

F +1 416 504 8315

E toronto@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

Cik Norzihan Mohd Zain



Cik Norzihan Mohd Zain

Amerika Selatan

Mexico City

MATRADE Mexico City (Trade Office)
Embassy of Malaysia, Mexico City
Paseo de Las Palmas # 425
Torre Optima 3, Office 1101 & 1102
Col. Lomas de Chapultepec
Del. Miguel Hidalgo, C.P.11000

Mexico D.F.

T +5255 5201 4540

F +5255 5202 7338

E mexicocity@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Remea Yaakub



En. Remea Yaakub

Santiago

Oficina Comercial De Malasia
(MATRADE)
Embajada De Malasia
Avda. Tajamar 183
Oficina 302 - Las Condes
Santiago, **Chile**

T +56 2 234 2647

F +56 2 234 2652

E santiago@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Niqman Rafeae Mohd Sahar



En. Niqman Rafeae
Mohd Sahar

Sao Paulo

Kedutaan Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
771, Alameda Santos
Suite 72, 7th Floor
01419-001, Sao Paulo

Brazil

T +55 11 3285 2966

F +55 11 3289 1595

E saopaulo@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Yusram Yusup



En. Yusram Yusup

Buenos Aires

Kedutaan Malaysia
Pejabat Perdagangan (MATRADE)
Villanueva 1040,
C1426BMD Buenos Aires

Republik Argentina

T +54 11 4776 0504

+54 11 4776 2553

+54 11 4777 8420

F +54 11 4776 0604

E buenosaires@matrade.gov.my

Pegawai Pemasaran

En. Nelson Ferrada Gonzales



En. Nelson Ferrada
Gonzales

Rangkaian Tempatan di Malaysia

Pejabat Cawangan (Semenanjung Malaysia)

Pulau Pinang

Pejabat MATRADE Wilayah Utara
Perbadanan Pembangunan Perdagangan
Luar Malaysia (MATRADE)
1st Floor, FMM Building
2767, Mukim 1, Lebuhr Tenggiri 2
Bandar Seberang Jaya
13700 Seberang Perai Tengah
Pulau Pinang

T +604 398 2020

F +604 398 2288

E penang@matrade.gov.my

Pengarah

En. Suresh Kumar Palasanthiran

Penolong Pengarah En. Iswazar Aminuddin



En. Suresh Kumar
Palasanthiran

Terengganu

Pejabat MATRADE Wilayah Timur
Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
Tingkat 5, Menara Yayasan Islam
Terengganu
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu
Terengganu

T +609 624 4778

F +609 624 0778

E terengganu@matrade.gov.my

Pengarah Pn. Hasziah Mat Yazid

Penolong Pengarah
En. Hafidz Shukri Junit



Pn. Hasziah Mat Yazid

Johor

Pejabat MATRADE Wilayah Selatan
Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
Suite 6B, Tingkat 6
Menara Ansar, 65 Jln Trus
80000 Johor Bahru,
Johor

T +607 222 9400

F +607 222 9500

E johor@matrade.gov.my

Pengarah Cik Noor Ezzwanees Ahmad

Penolong Pengarah
Mr. Mohamad Imran Hamzah



Cik Noor Ezzwanees Ahmad

Pejabat Cawangan (Malaysia Timur)

Sarawak

Perbadanan Pembangunan Perdagangan
Luar Malaysia (MATRADE)
Tingkat 10, Menara Grand
Lot 42, Section 46, Ban Hock Road
93100 Kuching, Sarawak

T +6082 246 780

F +6082 256 780

E sarawak@matrade.gov.my

Pengarah Pn. Noor Azian Romlan

Penolong Pengarah
Pn. Trira Banau Gilbert Taylor



Pn. Noor Azian Romlan

Sabah

Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
Lot C5.2A, Tingkat 5, Blok C
Bangunan KWSP, Jalan Karamunsing
88100 Kota Kinabalu, Sabah

T +6088 240 881

+6088 242 881

F +6088 243 881

E sabah@matrade.gov.my

Pengarah

En. Syed Zahirulldin Syed Ali

Penolong Pengarah
En. Azmir Ab Ghaffar



En. Syed Zahirulldin
Syed Ali

Tumpuan Korporat

- 22 Tumpuan Aktiviti Penggalakan Perdagangan
- 23 Memperluaskan Pemiagaan Halal
- 24 Mengoptimumkan Peluang Pemiagaan Serantau
- 25 Penjenamaan Sektor Perkhidmatan Malaysia
- 26 Masakan Malaysia Merentasi Dunia
- 27 Strategi Pemasaran
- 28 Peningkatan Sumber Manusia /
- 29 Perkongsian Pengetahuan
- 30 Merancang Hala Tuju



Fesyen Melangkah ke Hadapan

Pakaian Malaysia mendapat pengiktirafan seluruh dunia dengan kualiti, kebolehpercayaan serta penghantarannya yang cepat dan segera.

Tumpuan Aktiviti Penggalakan Perdagangan

Perdagangan antarabangsa pada 2010 menunjukkan pemulihan secara beransur selepas kemelesetan ekonomi global pada 2009. Usaha mengekalkan syer Malaysia dalam perdagangan global memerlukan perancangan taktikal bagi menempatkan produk dan perkhidmatan Malaysia secara berkesan menerusi penggalakan khusus. Syarikat Malaysia telah menyertai 268 program yang dianjurkan sepanjang tahun meliputi penggalakan eksport, pembangunan pengeksport serta perkhidmatan nasihat dan maklumat perdagangan.



1

2

Pameran produk dan perkhidmatan halal bertaraf dunia *Malaysia International Halal Showcase 2010* (MIHAS 2010) telah diadakan dari 23 hingga 27 Jun 2010, bagi mempromosikan pasaran halal yang berpotensi luas dalam industri halal global. Sejumlah 527 pempamer termasuk lebih daripada 30 peratus pempamer antarabangsa menyertai pameran tahun ini yang dilawati oleh pelawat perdagangan lebih dari 59 negara.

Program penggalakan perdagangan yang dianjurkan oleh MATRADE merangkumi 30 Pameran Perdagangan Antarabangsa, tujuh Misi Perdagangan dan Pelaburan, 34 Misi Pemasaran Khusus, 57 Misi Belian dan 34 Kaunter Promosi. MATRADE turut menganjurkan 546 pertemuan perniagaan dengan pemimpin industri sempena Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri dan YB Timbalan Perdana Menteri ke India, Kemboja, Laos dan Indonesia. Dalam usaha meningkatkan keupayaan pengeksport dan penyebaran maklumat perdagangan, MATRADE menganjurkan 39 seminar dan taklimat, menghasilkan 24 penerbitan perdagangan dan menyertai 39 kaunter penerangan di pameran-pameran tempatan.

Pameran perdagangan antarabangsa dalam negara yang dianjurkan MATRADE telah membolehkan para pengeksport Malaysia memperluaskan pasaran menerusi program Misi Belian. Pertemuan yang diaturkan semasa Misi Belian di antara pembeli antarabangsa dan pengeksport tempatan memberikan lebih banyak peluang perniagaan kepada syarikat Malaysia bagi mendapatkan rakan perniagaan baru dan mengembangkan eksport.

MATRADE menganjurkan *International Trade (INTRADE) Malaysia 2010* buat kali keempat dari 9 hingga 11 November 2010. Pameran ini memberi peluang kepada syarikat Malaysia, iaitu syarikat besar dan Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) mempamerkan pelbagai produk dan perkhidmatan kepada pelawat, pempamer antarabangsa dan pembeli serta membolehkan mereka menembusi pasaran ASEAN dan rantau sekitarnya. Produk dan perkhidmatan dari 10 kelompok industri dipamerkan sepanjang pameran perdagangan ini.

Sektor perkhidmatan telah diberikan promosi yang meluas di luar negara melalui *Malaysia Services Exhibition (MSE) 2010* yang diadakan dari 13 hingga 15 April 2010 di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu. MATRADE menganjurkan MSE, pameran solo Malaysia, bagi kali ketiga untuk mengetengahkan keupayaan pembekal perkhidmatan Malaysia di Asia Barat. Sebanyak lapan sektor perkhidmatan telah dipamerkan di Dubai sebagai inisiatif penjenamaan perkhidmatan Malaysia di rantau ini.

TAJUK GAMBAR

1 Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, YB. Dato' Mukhriz, menyambut tetamu di pelancaran INTRADE 2010 2 Pelawat perdagangan mendaftar di INTRADE Malaysia 2010



1

Memperluaskan Perniagaan Halal

Dimulakan pada 2004, MIHAS telah diadakan buat kali ketujuh oleh MATRADE dari 23 hingga 27 Jun dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Industri Halal Malaysia (HDC) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).



2



3

Bertemakan “*The Spreading Influence of Halal*”, pameran bertaraf dunia bagi produk dan perkhidmatan halal ini telah menarik sebanyak 527 pempamer dari 31 negara, dimana 163 terdiri dari syarikat asing. Republik Rakyat China, Iran, Indonesia, Singapura dan Perancis merupakan lima negara utama yang menyertai pameran ini. MIHAS 2010 menerima sejumlah 35,386 pelawat dari 59 negara. Jumlah pelawat terbesar adalah dari Singapura, Iran, Indonesia, Republik Rakyat China dan Australia.

Dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, MIHAS 2010 menyaksikan pertambahan pavilion dari Perancis, Indonesia dan Jepun. Negara-negara yang membuat penampilan pertama di MIHAS 2010 termasuk Albania, Belgium, Hong Kong dan Itali.

MATRADE menganjurkan Misi Belian sempena MIHAS di mana 510 pembeli asing dari 409 syarikat dipadankan dengan 1,005 pengeksport Malaysia, yang menjana jualan langsung sebanyak RM66.2 juta dan jualan berpotensi bernilai RM1.1 bilion. Antara produk yang menarik perhatian adalah produk berasaskan minyak sawit, minuman, makanan diproses, konfeksi, farmaseutikal, kosmetik dan produk penjagaan kulit. Lima pembeli utama adalah dari Emiriyah Arab Bersatu, Ukraine, Australia, Jepun dan Maghribi.

Di antara produk baru yang disahkan halal dan turut dipamerkan di MIHAS 2010 adalah *porcine DNA detector*, produk bayi seperti botol, puting silikon dan minyak wangi yang dikeluarkan oleh sebuah syarikat Perancis.

Pencapaian penting bagi Malaysia di MIHAS 2010 adalah pembangunan piawaian halal melalui pelancaran dua piawaian baru – *Standards on Halal Cosmetics* (MS 2200: 2008) dan *Standards on Halal Logistics* (MS 2400: 2010) oleh *Standards Malaysia*.

TAJUK GAMBAR

1 YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia, mengunjungi gerai pameran di MIHAS 2010 2/3 Pempamer perdagangan mengunjungi MIHAS 2010

Mengoptimumkan Peluang Perniagaan Serantau

Pameran tahunan MATRADE, INTRADE Malaysia 2010 diadakan dari 9 hingga 11 November 2010. Bertemakan “*One World, One Market Place*”, pameran ini telah dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI), YB Dato’ Sri Mustapa Mohamed, bagi pihak YAB Perdana Menteri Malaysia pada 9 November 2010.



1



2

INTRADE yang dianjurkan buat kali keempat berturut-turut telah menarik 342 pempamer dari 12 negara di mana 99 syarikat merupakan pempamer asing. Sejumlah 8,403 pelawat berdaftar menghadiri pameran ini. Kumpulan pelawat terbesar pameran ini adalah dari Indonesia, Emiriyah Arab Bersatu, Hong Kong, Pakistan dan Sri Lanka.

MATRADE menganjurkan Misi Belian semasa INTRADE yang menarik minat 441 syarikat asing dari 51 negara. Sejumlah 7,265 pertemuan perniagaan dengan 584 syarikat Malaysia telah diatitkan. Jualan langsung yang direkodkan adalah RM234.69 juta dan jualan berpotensi bernilai RM4 bilion. Kebanyakan pembeli adalah dari Republik Rakyat China, India, Republik Arab Syria, Emiriyah Arab Bersatu dan Jepun.

Kuala Lumpur International Trade Forum 2010 (KLITF 2010) telah diadakan serentak dengan INTRADE pada 11 November 2010 bertemakan “*Business Unusual*”. Forum ini memberi platform kepada pemimpin perniagaan tempatan dan antarabangsa untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan prospek dan peluang perniagaan global serta respons kepada perubahan persekitaran perniagaan. KLITF 2010 dihadiri oleh 759 peserta dari dalam dan luar negara.


Antara acara yang diberi penekanan semasa INTRADE 2010 adalah “*FTA@INTRADE*”, yang merupakan satu inisiatif bagi mempromosikan peluang dan manfaat penggunaan perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) bagi mengembangkan perniagaan dengan rakan FTA. Pusat rujukan sehati ini menyediakan maklumat kepada syarikat Malaysia, pempamer asing dan pelawat perdagangan berkaitan FTA termasuk prosedur permohonan bagi Sijil Tempasal Utama (COO), *Tariff Reduction Schedule* antara rakan FTA dan peluang perniagaan di negara tertentu melalui Klinik FTA yang dianjurkan oleh kedutaan asing. Sesi latihan bagi para pegawai rujukan FTA dari MITI dan Agensi diadakan di MATRADE untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai FTA.

TAJUK GAMBAR

1 Perasmian KLITF 2010 oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, YB Dato’ Sri Mustapa Mohamed 2 Pelawat perdagangan membuat pertanyaan berkaitan perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) semasa INTRADE Malaysia 2010

Penjenamaan Sektor Perkhidmatan Malaysia

Dalam usaha menjenama dan menggalakkan sektor perkhidmatan di Asia Barat dan pasaran serantau, MATRADE terus menganjurkan MSE 2010, pameran solo Malaysia yang menumpukan kepada keupayaan pembekal perkhidmatan Malaysia kepada komuniti perniagaan antarabangsa.



MSE diadakan buat kali ketiga dari 13 hingga 15 April 2010 di *Dubai International Convention and Exhibition Centre* (DICEC), Dubai, Emiriyah Arab Bersatu. Pameran ini dirasmikan oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia dan HH Sheikha Lubna Al Qasimi, Menteri Perdagangan Luar, Emiriyah Arab Bersatu pada 13 April 2010.

Sejumlah 180 pembekal perkhidmatan Malaysia, organisasi dan agensi kerajaan berkaitan dengan pembinaan, perkhidmatan profesional, minyak dan gas, penjagaan kesihatan, kewangan, pendidikan dan francais menyertai pameran ini.

Direktori "*Malaysia – Excellence & Capabilities in Green Technology*" yang diterbitkan oleh MATRADE dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) telah dilancarkan semasa MSE 2010. Penerbitan ini merupakan antara usaha dan komitmen kerajaan dalam mengawal pengeluaran gas rumah hijau dan kemahiran serta keupayaan syarikat Malaysia dalam teknologi hijau.

Buat kali pertama, *International Partner Matchmaking Programme* (IPMP) telah diperkenalkan di MSE. Sejumlah 30 syarikat asing

dari luar Emiriyah Arab Bersatu menyertai IPMP. Mereka adalah dari Arab Saudi, Syria, Yemen, India, Uzbekistan dan Kazakhstan. MATRADE mengaturkan 120 pertemuan perniagaan antara syarikat dan pempamer. Disamping itu, 478 pertemuan perniagaan dianjurkan antara pelawat perdagangan berdaftar awal MSE dengan pempamer Malaysia.

MSE menarik minat 3,713 pelawat termasuk ahli perniagaan dan pegawai kerajaan dari Emiriyah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Qatar, Yemen, Kuwait, Bahrain, Libya, Syria, Mesir, Jordan, Ethiopia, Palestin, Iran, Uzbekistan, India, Hong Kong, Republik Korea, Sri Lanka dan Amerika Syarikat.

Projek berpotensi bernilai RM12.8 bilion telah dikenalpasti oleh pembekal perkhidmatan Malaysia semasa MSE 2010 dan sejumlah 3,925 pertanyaan perdagangan telah diterima semasa acara tiga hari ini.

TAJUK GAMBAR
1/2 YB Dato' Sri Mustapa Mohamed dan HH Sheikha Lubna melancarkan direktori "*Malaysia – Excellence & Capabilities in Green Technology*" di MSE 2010

Masakan Malaysia Merentasi Dunia

Masakan Malaysia terkemuka di dunia dan yang dikenalpasti untuk Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9) telah dipromosikan di bawah *Malaysia Kitchen Programme* (MKP). Program ini bertujuan mempromosi hidangan dan produk makanan Malaysia melalui restoran Malaysia di luar negara.

Pada Julai 2009, MATRADE diberi kepercayaan untuk mempromosi MKP melalui program yang bersepadu, holistik dan pelbagai pendekatan bagi meningkatkan permintaan makanan dan produk makanan melalui penambahan jumlah pelanggan restoran Malaysia yang beroperasi di luar negara.

Tumpuan diberi kepada dua pasaran kosmopolitan iaitu London dan New York di mana penduduknya gemar mencuba hidangan baru.

MATRADE menganjurkan 24 aktiviti penggalakan khas dan 14 program kesedaran bagi kedua kota ini. Antara program yang dianjurkan termasuk publisiti dan pengiklanan (A&P), program bersama media, perhubungan awam, penajaan *TV Food Channel*, kerjasama dengan chef selebriti dan personaliti lain serta membangun laman sesawang, *microsites*, rangkaian sosial dan bahan promosi yang berkenaan. Lebih dari 500 restoran yang menghidangkan makanan Malaysia telah dikenalpasti dan disenaraikan di Portal MKP.



TAJUK GAMBAR

- 1 Taste of Malaysia, London 2
Penyertaan *Malaysian Kitchen* di
Malaysia Night Market, Trafalgar, London
3 Penyertaan *Malaysian Kitchen* di
Lucky Rice Night Market, New York
4 *Malaysian Kitchen* Food Truck
Campaign di New York

3

4



1

2

Strategi Pemasaran

Di dalam usaha mengembangkan eksport, aktiviti penggalakan di pasaran tradisional telah dipergiat bagi sektor khusus. Antara produk dan perkhidmatan yang diberi keutamaan adalah perabot, makanan diproses, minyak dan gas, penjagaan kesihatan dan pembinaan. Penekanan turut diberikan kepada penjenamaan bagi memastikan kehadiran produk Malaysia dan perkhidmatan yang berterusan, sinonim dengan kualiti dalam pasaran antarabangsa.

Penyertaan dalam pameran perdagangan antarabangsa yang mencatat jualan langsung tertinggi adalah *Big 5 Show 2010* (RM68.66 juta), *Gulfood 2010* (RM35.93 juta), *CeBIT* (RM35.83 juta), *CAEXPO 2010* (RM23.1 juta) dan *SIAL 2010* (RM20.83). Pameran Perdagangan Antarabangsa secara keseluruhannya menjana jualan langsung sebanyak RM214 juta dan jualan berpotensi bernilai RM13.63 bilion.


Misi Perdagangan dan Pelaburan yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) dan diselaraskan oleh MATRADE ke Eropah (Amsterdam, Hamburg dan

Birmingham), Korea Selatan, Republik Rakyat China, Indonesia, Singapura, Taiwan, Qatar dan Arab Saudi telah merekodkan jualan langsung berjumlah RM3.5 juta dengan jualan berpotensi bernilai RM147.99 juta. Misi Pemasaran Khusus mencatat RM16.02 juta dalam jualan langsung dan RM2.83 bilion dalam jualan berpotensi. Jualan yang dilaporkan semasa Misi Belian termasuk jualan langsung adalah berjumlah RM311.39 juta dan jualan berpotensi bernilai RM5.47 bilion.

TAJUK GAMBAR

1 Interior Birmingham 2010 2 CeBIT 2010

Profil Kakitangan MATRADE



Peningkatan Sumber Manusia

Sejumlah 188 program pembangunan dan membina kapasiti telah dijalankan pada 2010. Program-program ini direka bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan MATRADE di dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada para pelanggan.

Latihan ditumpukan kepada beberapa bidang:

- Kepimpinan
- Bimbingan (*Coaching*)
- Pengurusan
- Kemahiran Bahasa
- Pengurusan Kewangan
- Pemasaran
- Teknologi Maklumat
- Kursus Motivasi dan Perkembangan Peribadi
- Kursus Berkaitan Pekerjaan Khusus
- Amalan Perdagangan Antarabangsa
- Langkah - langkah Mengeksport

Pada 2010, format baru peperiksaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah diperkenalkan. Sejumlah 15 peperiksaan jabatan dan peperiksaan JPA meliputi pelbagai skim perkhidmatan telah diadakan. “Anugerah Perkhidmatan Cemerlang” telah diberikan kepada 41 kakitangan MATRADE sebagai pengiktirafan ke atas prestasi cemerlang dalam melaksanakan tugas mereka.

Perkongasian Pengetahuan

MATRADE dengan kerjasama Kementerian Luar Negara telah menganjurkan tiga program pembinaan keupayaan menerusi *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)*.

1

Program pertama, *5th MTCP dengan tema "Endeavouring Global Trade Competitiveness for OIC/D8 Member Countries"* telah diadakan dari 22 Jun hingga 1 Julai 2010. Program ini disertai oleh 23 peserta dari Albania, Azerbaijan, Brunei, Mesir, Guinea, Indonesia, Iraq, Jordan, Libya, Maldives, Maghribi, Nigeria, Oman, Sudan, Syria, Tunisia dan Emiriyah Arab Bersatu.

Para peserta telah didedahkan dengan polisi perdagangan Malaysia, program dan strategi mengembangkan eksport Malaysia disamping meningkatkan kesedaran mengenai perkembangan serta isu perdagangan global dan serantau. Program ini turut mengeratkan hubungan antara negara peserta menerusi perkongsian kemahiran penggalakan perdagangan serta mewujudkan jalinan rangkaian antara MATRADE dan Agensi Penggalakan Perdagangan negara peserta.

2

Program kedua, *"Interfacing with Chambers of Commerce on Global Challenges and Trade Opportunities"* telah diadakan dari 12 hingga 21 Oktober 2010 yang telah dianjurkan sejak 2009. Seramai 16 peserta dari India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Kyrgyzstan, Myanmar, Nigeria, Republik Rakyat China, Yemen, Arab Saudi, Tanzania, Uganda, Uzbekistan, Vietnam dan Zimbabwe telah menyertai program ini.

TAJUK GAMBAR

1 Kata-kata aluan oleh YB Dato' Mukhriz, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, semasa "*Endeavoring Global Trade Competitiveness for OIC /D8 Members Countries*" 2/3 Peserta MTCP memberi perhatian semasa taklimat diberi

3

MATRADE turut diberi kepercayaan untuk menganjurkan program ketiga MTCP yang bertemakan "*Malaysia - Sharing of Experience in Trade Promotion for CLMV (Trade Promotion Organisations)*" kepada peserta organisasi penggalakan perdagangan dari Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam (CLMV). Program selama enam hari ini telah diadakan dari 28 November hingga 3 Disember 2010 dan dihadiri oleh 10 peserta. Para peserta berkongsi pengetahuan mengenai polisi perdagangan dan strategi dikalangan negara CLMV serta garis panduan dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan ke pasaran global serta mewujudkan jalinan rangkaian dikalangan para peserta.



Merancang Hala Tuju

Lembaga Pengarah MATRADE terdiri daripada 11 ahli, dimana tujuh ahlinya adalah dari sektor swasta. Lembaga Pengarah mempunyai perwakilan yang seimbang iaitu dari Kementerian, industri utama serta persatuan dan dewan perniagaan. Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk merumuskan strategi bagi meningkatkan daya saing pengeksport Malaysia di pasaran global, mencari pendekatan baru bagi mengetengahkan eksport Malaysia seterusnya menjadikan MATRADE sebuah organisasi penggalakan perdagangan yang lebih relevan.

Terdapat beberapa pertukaran di dalam keanggotaan Lembaga Pengarah pada 2010. Pertukaran ini adalah disebabkan tempoh perkhidmatan Tan Sri Dato' Seri Halim Mohammad, Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir, Datuk Seri Shahril Shamsuddin, Tan Sri Abdul Rahman Mamat dan Encik Fauzi Rahmat telah tamat.

Tan Sri Halim berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah MATRADE selama lebih dari 12 tahun iaitu semenjak 1997. Di dalam tempoh ini, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi selama enam tahun mulai 2004. Di bawah kepimpinan beliau, pendekatan yang diambil oleh MATRADE dalam penggalakan perdagangan lebih tertumpu kepada hasil pencapaian terutama terhadap perkembangan eksport perniagaan EKS.

Datin Paduka Siti Sa'diah telah berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah lebih dari 10 tahun semenjak 1999. Datin Paduka menyumbang bukan hanya sebagai ahli Lembaga Pengarah sahaja tetapi beliau juga merupakan ketua Jawatankuasa Audit MATRADE. Sikap beliau yang mengutamakan perincian kepada setiap perkara dan disokong dengan pasukan yang berdedikasi telah memastikan MATRADE memenuhi semua syarat-syarat audit yang ditetapkan.

Datuk Shahril berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah semenjak 1999 dan berkongsi pengalaman beliau mengenai perniagaan antarabangsa. Beliau sering menekankan kepentingan teknologi dan inovatif kepada pengeksport Malaysia bagi mengekalkan kelebihan daya saing mereka.

Tan Sri Abdul Rahman Mamat, yang berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah semenjak 3 September 2006 telah memainkan peranan penting di dalam merumuskan strategi penggalakan eksport MATRADE. Beliau menyarankan kerjasama erat antara sektor awam dan swasta dipertingkatkan bagi memastikan keberkesanan serta impak aktiviti penggalakan MATRADE. Tan Sri Rahman juga terlibat di dalam mempromosikan perkhidmatan Malaysia sebagai sektor pertumbuhan baru ekonomi Malaysia.

Semasa tempoh perkhidmatan beliau, Tan Sri Rahman Mamat juga dilantik sebagai Pemangku Pengerusi Lembaga Pengarah dari 1 April sehingga 15 September 2010.

Encik Fauzi Rahmat berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah dari 1 Ogos 2008 hingga 31 Oktober 2010. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau, Encik Fauzi percaya bahawa EKS yang sedia menceburi pasaran antarabangsa perlu dipupuk.

Pihak pengurusan dan warga MATRADE mengalu-alukan Dato' Mah Siew Keong yang telah dilantik sebagai Pengerusi MATRADE yang baru mulai 16 September 2010. Dato' Mah seorang yang terkenal di kalangan masyarakat serta mempunyai pengalaman luas di dalam sektor awam dan swasta. Mempunyai latar belakang pendidikan di dalam bidang undang-undang dan perniagaan, Dato' Mah merupakan bekas Timbalan Menteri di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Timbalan Menteri di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Pada 2010, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat seperti berikut:

Mesyuarat 1/2010

30 Mac 2010

Mesyuarat 2/2010

18 Jun 2010

Mesyuarat 3/2010

27 September 2010

Mesyuarat 4/2010

15 November 2010

Perbincangan semasa mesyuarat tertumpu kepada polisi dan strategi yang menjurus kepada daya saing eksport Malaysia dan keberkesanan program penggalakan perdagangan. Antara isu utama yang dibincangkan semasa mesyuarat adalah:

- Strategi Penggalakan Eksport
- Prestasi Perdagangan Malaysia
- Peranan Sektor Swasta dalam Penggalakan Perdagangan
- Inisiatif Pembangunan Pengeksport
- Pembangunan *MATRADE Centre*
- Rancangan Malaysia ke 10 dan Model Ekonomi Baru
- Penstrukturan Semula MATRADE
- Program Kerja 2011
- Geran Pembangunan Pasaran bagi EKS
- Penjenamaan Sektor Perkhidmatan
- Semakan Yuran Penyertaan bagi Program Promosi MATRADE

Prestasi Perdagangan

32 Lima Destinasi Eksport Utama 2010

33 Rakan Perdagangan Utama

35 Perkembangan Pasaran Serantau


36 Hala Tuju 2011



Permintaan Bahan Binaan Meningkat di India

Eksport bahan binaan Malaysia ke India meningkat 118 peratus kepada RM506.1 juta.


Jumlah perdagangan pada 2010 menunjukkan pemulihan yang kukuh sebanyak 18.3 peratus kepada RM1.169 trilion, berbanding penguncupan 16.6 peratus pada 2009. Eksport berkembang 15.6 peratus kepada RM639.43 bilion sementara import meningkat 21.7 peratus kepada RM529.19 bilion, mencatatkan lebih dagangan RM110.23 bilion.



Lima Destinasi Eksport Utama 2010

Singapura, Republik Rakyat China, Jepun, Amerika Syarikat dan Thailand yang merupakan lima destinasi eksport utama Malaysia menyumbang 51.2 peratus daripada jumlah eksport keseluruhan Malaysia pada

2010. Eksport ke Jepun meningkat 24.3 peratus kepada RM66.29 bilion, menggantikan Amerika Syarikat sebagai destinasi eksport ketiga terbesar Malaysia.



Eksport produk perkilangan meningkat 11.6 peratus kepada RM460.96 bilion, menyumbang 72.1 peratus daripada jumlah eksport Malaysia pada 2010. Eksport galian meningkat 28.5 peratus kepada RM101.90 bilion sementara hasil pertanian berkembang 29.6 peratus kepada RM71.80 bilion.

Eksport utama pada 2010 adalah produk elektrik dan elektronik (E&E), minyak sawit, kimia dan produk kimia, gas asli cecair (LNG) dan petroleum mentah.

Sektor E&E menyumbang 39.1 peratus daripada jumlah eksport Malaysia pada 2010. Eksport produk E&E meningkat 8.6 peratus kepada RM249.80 bilion, hasil dari sumbangan jumlah eksport yang tinggi kepada Republik Rakyat China, Singapura dan Hong Kong SAR. Walaupun eksport produk E&E Malaysia ke Amerika Syarikat mencatatkan penurunan sebanyak 11.2 peratus kepada RM35.47 bilion pada 2010, ianya masih kekal sebagai pasaran terbesar bagi produk E&E.

Produk E&E yang menyumbang kepada peningkatan eksport adalah radas penerimaan televisyen, peralatan menebat elektrik dan alat-alat semikonduktor fotopeka. Eksport produk ini melonjak sebanyak 93.2 peratus berbanding 2009 dan mencatat nilai eksport sebanyak RM99.43 bilion atau 39.7 peratus daripada eksport produk E&E pada 2010.


Di dalam sektor galian, eksport utama adalah LNG, petroleum mentah dan produk petroleum bertapis, menyumbang 96 peratus daripada jumlah eksport sektor galian atau 15.3 peratus daripada jumlah eksport Malaysia. Pada 2010, eksport produk ini bernilai sebanyak RM97.84 bilion.

Eksport utama sektor pertanian adalah minyak sawit mentah yang menyumbang 67.4 peratus daripada jumlah eksport produk pertanian atau 7.6 peratus daripada jumlah eksport Malaysia pada 2010. Eksport minyak sawit mentah adalah RM48.42 bilion, dengan peningkatan sebanyak 26.9 peratus berbanding 2009. Faktor utama peningkatan ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga purata yang tinggi, sebanyak 20.5 peratus kepada RM2,704.50 setiap tan pada 2010. Jumlah eksport meningkat secara minimal dengan 4.9 peratus berbanding 2009.

Tumpuan yang berterusan terhadap aktiviti penggalakan MATRADE telah menyumbang kepada peningkatan eksport pada 2010. Dalam usaha untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan Malaysia ke pasaran maju dan baru muncul, MATRADE telah menganjurkan 268 aktiviti penggalakan pada 2010. Aktiviti penggalakan utama termasuk penyertaan pengeksport Malaysia di dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa, Misi Perdagangan dan Pelaburan, Kaunter Promosi, Misi Pemasaran Khusus dan Misi Belian.

Rakan Perdagangan Utama

Republik Rakyat China, Singapura, Jepun, Amerika Syarikat dan Thailand merupakan rakan perdagangan utama Malaysia yang menyumbang 52.2 peratus atau RM610.17 bilion daripada jumlah eksport Malaysia pada 2010.



Republik Rakyat China

Buat kali kedua berturut-turut, Republik Rakyat China kekal sebagai rakan perdagangan terbesar Malaysia, dengan jumlah perdagangan bernilai RM147.03 bilion yang menyumbang 12.6 peratus daripada jumlah eksport Malaysia pada 2010.

Republik Rakyat China merupakan pasaran eksport Malaysia kedua terbesar selepas Singapura dengan jumlah eksport bernilai RM80.60 bilion dengan peningkatan sebanyak 19.7 peratus berbanding 2009. Eksport utama Malaysia ke Republik Rakyat China pada 2010 adalah produk E&E, minyak sawit, kimia dan produk kimia, produk getah dan getah mentah.

Import daripada Republik Rakyat China meningkat 8.5 peratus pada 2010 berbanding 2009, berjumlah RM66.43 bilion. Produk perkilangan menyumbang 93.8 peratus daripada jumlah import daripada Republik Rakyat China. Import utama adalah produk E&E, jentera, perkakasan dan alat ganti, kimia dan produk kimia, pembuatan logam serta produk besi dan keluli.

Singapura

Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Singapura pada 2010 mencatat peningkatan sebanyak 15.4 peratus kepada RM145.87 bilion, menyumbang 12.5 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia. Kenaikan ini adalah hasil daripada peningkatan eksport produk E&E, produk petroleum bertapis, jentera, perkakasan dan alat ganti, pembuatan logam serta kimia dan produk kimia.

Import Malaysia dari Singapura meningkat 22.5 peratus pada 2010 berjumlah RM60.44 bilion. Import utama dari Singapura adalah produk E&E, produk petroleum bertapis, jentera, kimia dan produk kimia, jentera, perkakasan dan alat ganti serta kelengkapan optik dan saintifik. Jumlah import menyumbang 83.5 peratus daripada jumlah keseluruhan import dari Singapura.

Jepun

Eksport ke Jepun meningkat 24.3 peratus kepada RM66.30 bilion, menggantikan Amerika Syarikat sebagai destinasi eksport ketiga terbesar Malaysia. Antara eksport utama ke Jepun adalah LNG, produk E&E, produk kayu, kimia dan produk kimia, serta kelengkapan optik dan saintifik.

Jumlah eksport ke Jepun mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 24.3 peratus kepada RM66.29 bilion, iaitu 10.4 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia pada 2010. LNG merupakan eksport terbesar Malaysia ke Jepun yang mencatatkan peningkatan sebanyak 33.8 peratus kepada RM25.17 bilion atau 38 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport ke Jepun. Eksport produk E&E meningkat 15.4 peratus kepada RM18.27 bilion, yang merupakan 27.6 peratus daripada jumlah eksport ke Jepun.

Import dari Jepun meningkat 22.5 peratus kepada RM66.55 bilion yang menyumbang 12.6 peratus daripada jumlah keseluruhan import Malaysia. Jepun merupakan sumber import terbesar Malaysia pada 2010. Import utama dari

Jepun adalah produk E&E, yang meningkat sebanyak 18.3 peratus kepada RM21.98 bilion. Antara import utama lain adalah jentera, perkakasan dan alat ganti, diikuti oleh kelengkapan pengangkutan, pembuatan logam serta produk besi dan keluli.

Amerika Syarikat

Amerika Syarikat merupakan rakan perdagangan keempat terbesar Malaysia pada 2010, menyumbang sebanyak 10 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia. Jumlah perdagangan mencatat peningkatan sebanyak 7 peratus kepada RM117.26 bilion.

Amerika Syarikat merupakan destinasi eksport keempat terbesar Malaysia dengan syer sebanyak 9.5 peratus daripada jumlah eksport. Eksport ke Amerika Syarikat meningkat sebanyak 0.2 peratus kepada RM60.96 bilion berbanding pada 2009. Eksport utama ke Amerika Syarikat adalah produk E&E, kelengkapan optik dan saintifik, produk getah, minyak sawit dan produk kayu.

Eksport utama ke Amerika Syarikat iaitu produk E&E menyumbang 58.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia ke Amerika Syarikat, merekodkan penurunan sebanyak 11.2 peratus kepada RM35.47 bilion berbanding tahun sebelumnya. Eksport produk utama ke Amerika Syarikat mencatatkan peningkatan adalah kelengkapan optik dan saintifik, produk getah, minyak sawit dan produk kayu.

Amerika Syarikat adalah sumber import keempat terbesar Malaysia, menyumbang 10.6 peratus daripada jumlah import Malaysia pada 2010. Produk E&E mencatatkan 52.5 peratus daripada jumlah import Malaysia dari Amerika Syarikat. Produk import lain adalah jentera, perkakasan dan alat ganti dengan syer sebanyak 10.9 peratus, kimia dan produk kimia, 8.3 peratus, kelengkapan optik dan saintifik, 5.7 peratus dan kelengkapan pengangkutan, 4.6 peratus.

Thailand

Thailand kekal sebagai rakan perdagangan kelima terbesar Malaysia pada 2010 dengan jumlah perdagangan bernilai RM67.17 bilion iaitu peningkatan sebanyak 19.7 peratus daripada 2009. Jumlah eksport Malaysia ke Thailand pada 2010 bernilai RM34.19 bilion dengan peningkatan sebanyak 14.7 peratus, berbanding RM29.81 bilion pada 2009. Eksport ke Thailand menyumbang 5.4 peratus syer daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia.

Eksport utama ke Thailand adalah produk E&E, petroleum mentah, kimia dan produk kimia, jentera, perkakasan dan alat ganti serta pembuatan logam.

Import dari Thailand pada 2010 bernilai RM32.98 bilion iaitu peningkatan sebanyak 25.4 peratus berbanding 2009. Produk perkilangan menyumbang 81.8 peratus daripada jumlah import dari Thailand. Import utama dari Thailand adalah produk E&E, kelengkapan pengangkutan, jentera, perkakasan dan alat ganti, getah mentah, serta kimia dan produk kimia.

Perkembangan Pasaran Serantau

Pada 2010, Malaysia mencatatkan pertumbuhan perdagangan yang positif dengan hampir kesemua rantau. Asia Timur Laut kekal sebagai rantau perdagangan terbesar Malaysia dengan jumlah bernilai RM422.15 bilion yang menyumbang 36.1 peratus daripada jumlah perdagangan keseluruhan Malaysia. Ini diikuti oleh ASEAN (RM305.93 bilion, 26.2 peratus), Amerika Utara (RM123.31 bilion, 10.6 peratus) dan Kesatuan Eropah (EU) (RM122.85 bilion, 10.5 peratus).

Asia Timur Laut merupakan destinasi eksport terbesar Malaysia, menyumbang 35 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia. Eksport ke Asia Timur Laut pada 2010 meningkat sebanyak 20.3 peratus kepada RM223.93 bilion. Eksport utama adalah produk E&E, LNG, kimia dan produk kimia, minyak sawit serta kelengkapan optik dan saintifik. Keseluruhan produk tersebut menyumbang 74.7 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke rantau tersebut.

Jumlah eksport ke ASEAN meningkat sebanyak 14.1 peratus kepada RM162.45 bilion, menyumbang 25.4 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia. Destinasi eksport utama di kalangan negara ASEAN adalah Singapura, Thailand dan Indonesia, yang secara kolektif menyumbang 84.8 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke rantau ini. Eksport utama ke ASEAN pada 2010 adalah produk E&E, produk petroleum bertapis, kimia dan produk kimia, petroleum mentah dan jentera, perkakasan dan alat ganti. Singapura merupakan rakan perdagangan terbesar Malaysia di kalangan negara ASEAN, dengan jumlah perdagangan sebanyak RM145.87 bilion atau 47.7 peratus syer dengan rantau

ini, diikuti oleh Thailand (22 peratus), Indonesia (15.5 peratus), Filipina (7 peratus) dan Vietnam (6.5 peratus).


Jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia dengan Amerika Utara, yang terdiri dari Amerika Syarikat dan Kanada, meningkat 7.9 peratus kepada RM123.31 bilion. Eksport ke Amerika Utara meningkat secara minimal sebanyak 0.8 peratus kepada RM64.09 bilion. Produk E&E kekal sebagai eksport utama ke Amerika Utara diikuti oleh produk getah, kelengkapan optik dan saintifik, minyak sawit dan produk kayu.

Kesatuan Eropah (EU) merupakan rantau perdagangan keempat terbesar Malaysia pada 2010. Rakan perdagangan terbesar di rantau ini adalah Jerman yang menyumbang 31.5 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia dengan Kesatuan Eropah, diikuti oleh Belanda (19.2 peratus), Perancis (10.9 peratus), United Kingdom (10.6 peratus) dan Itali (6.5 peratus).

Eksport Malaysia ke Kesatuan Eropah meningkat sebanyak 14.6 peratus kepada RM68.69 bilion. Belanda merupakan destinasi eksport terbesar Malaysia di rantau ini yang mencatatkan pertumbuhan eksport sebanyak 9.8 peratus kepada RM20.22 bilion. Eksport ke Jerman mencatat peningkatan sebanyak 17 peratus kepada RM17.35 bilion, diikuti United Kingdom (1.6 peratus, RM7.20 bilion), Perancis (30.5 peratus, RM7.11 bilion) dan Itali (22.3 peratus, RM3.45 bilion).

Eksport utama ke rantau ini adalah produk E&E, minyak sawit, kimia dan produk kimia, produk getah dan getah mentah.

Eksport Malaysia Mengikut Rantau pada 2010 (% Syer)



Jumlah Eksport 2010:

RM639.43 bilion

Hala Tuju 2011

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan pada 2011 dan 2012, pertumbuhan ekonomi negara sedang membangun dijangka akan mencapai 6.5 peratus, berbanding dengan pertumbuhan 7 peratus yang dicatat pada 2010.

Bank Dunia menjangkakan jumlah perdagangan dunia meningkat sebanyak 11.2 peratus pada 2011, berbanding dengan 15.7 peratus pada tahun sebelumnya. Pada 2011, IMF mengunjurkan pertumbuhan eksport sebanyak 6.2 peratus bagi negara maju dan 9.2 peratus bagi negara sedang membangun. Jumlah import dijangka berkembang sebanyak 5.5 peratus bagi negara maju dan 11.9 peratus bagi negara sedang membangun. Berdasarkan kepada tinjauan ekonomi dan perdagangan global, perdagangan Malaysia pada 2011 dijangka akan berkembang pada kadar perlahan berbanding dengan 2010.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), eksport Malaysia dijangka akan berkembang sebanyak 10.6 peratus setahun. Pencapaian sasaran ini bergantung kepada perkembangan ekonomi dan politik di pasaran maju dan baru muncul sepanjang tempoh RMK-10.

Pasaran maju dan baru muncul akan terus menyumbang kepada pertumbuhan eksport Malaysia pada 2011. Melalui ramalan pertumbuhan ekonomi sebanyak 8.7

peratus, Republik Rakyat China akan terus menjadi pasaran utama Malaysia pada 2011. Menerusi Perjanjian Perdagangan Bebas yang akan dimeterai antara Malaysia dan India serta jangkakan pertumbuhan ekonomi yang teguh iaitu sebanyak 8 peratus, eksport Malaysia ke India dijangka akan mencatat pertumbuhan dua angka pada 2011.

Eksport Malaysia ke ASEAN dijangka mencatat peningkatan ketara selari dengan jangkakan pertumbuhan ekonomi Singapura, Indonesia dan Thailand. Justeru, integrasi ekonomi yang lebih luas di kalangan negara ASEAN akan memberi dorongan yang memberangsangkan kepada eksport Malaysia ke pasaran serantau.

MATRADE akan terus menyokong peningkatan eksport produk dan perkhidmatan Malaysia melalui penyelarasan strategi penggalakan perdagangan yang dilaksanakan menerusi program dan aktiviti serta jalinan kerjasama yang kukuh dengan industri.

Pemasaran Strategik

38 Memperluaskan Pasaran Global Malaysia

56 Produk dan Perkhidmatan

Makanan diproses penyumbang kelapan terbesar kepada pendapatan eksport negara

Pada 2010, eksport makanan diproses mencatat peningkatan 11.6 peratus kepada RM11.99 billion.

Memperluaskan Pasaran Global Malaysia

Pada 2010, syarikat Malaysia telah menyertai pelbagai aktiviti penggalakan perdagangan anjuran MATRADE untuk meneroka potensi pasaran global. Aktiviti ini termasuk 30 Pameran Perdagangan Antarabangsa, tujuh Misi Perdagangan dan Pelaburan, 34 Misi Pemasaran Khusus, 57 Misi Belian, 34 Kaunter Promosi dan 39 seminar dan taklimat. Sejumlah 546 pertemuan perniagaan diatitkan bersama pemimpin perniagaan sempena lawatan rasmi YAB Perdana Menteri Malaysia dan YB Timbalan Perdana Menteri ke India, Kemboja, Laos dan Indonesia.

Pameran Perdagangan Antarabangsa anjuran MATRADE meliputi penyertaan 676 syarikat Malaysia di dalam pasaran sedia ada dan baru membangun. Syarikat Malaysia telah merekodkan hasil jualan berjumlah RM13.84 bilion melalui penyertaan di dalam pameran perdagangan. Sejumlah 76,993 pertanyaan perdagangan diterima semasa acara ini.

Pada 2010, sebanyak tujuh Misi Perdagangan dan Pelaburan anjuran bersama MATRADE dan MIDA telah disertai oleh 146 ahli perniagaan dari 51 syarikat. Penganjuran 603 pertemuan perniagaan telah menghasilkan jualan langsung berjumlah RM3.5 juta dan jualan berpotensi bernilai RM147.99 juta.

MATRADE telah melaksanakan 34 Misi Pemasaran Khusus yang disertai oleh 154 syarikat Malaysia pada 2010. Semasa misi ini, sejumlah 2,430 pertemuan perniagaan telah diatitkan yang merekodkan jualan langsung sebanyak RM16.02 juta dan jualan berpotensi bernilai RM2.83 bilion.

Penyertaan MATRADE di dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa melalui 34 Kaunter Promosi telah memberi peluang kepada syarikat Malaysia untuk mempromosi produk dan perkhidmatan mereka melalui pengedaran risalah serta katalog. Sebanyak 785 syarikat Malaysia telah mendapat manfaat daripada inisiatif ini dan sejumlah 3,628 pertanyaan perdagangan telah direkodkan.

Malaysia International Halal Showcase 2010 (MIHAS 2010), pameran utama produk dan perkhidmatan halal yang bertaraf dunia telah menarik penyertaan 527 pempamer, termasuk 163 syarikat asing, daripada 31 negara. Pameran ini telah dikunjungi oleh sejumlah 35,386 pelawat daripada 59 negara. MIHAS 2010 menjana jualan langsung sebanyak RM6.2 juta dan jualan berpotensi bernilai RM1.1 bilion.

Buat kali keempat berturut-turut, MATRADE telah menganjurkan *International Trade* (INTRADE) Malaysia 2010 yang disertai oleh 342 pempamer, termasuk 99 pempamer asing daripada 12 negara. Pameran tiga hari ini dikunjungi oleh 8,403 pelawat berdaftar. Misi Belian yang dianjurkan oleh MATRADE sempena *INTRADE 2010* menjana jualan langsung sebanyak RM234.69 juta dengan jualan berpotensi bernilai RM4 bilion.

Sempena *MIHAS* dan *INTRADE Malaysia 2010*, yang merupakan dua acara terbesar di Malaysia, MATRADE melalui rangkaian pejabat luar negaranya mengaturkan pertemuan perniagaan untuk 1,000 pembeli asing dari beberapa negara termasuk Jepun, Republik Rakyat China, Hong Kong, Macau, Korea, Taiwan, India, Thailand, Vietnam, Kemboja, Kanada, Australia, Persekutuan Rusia, Hungary, Belarus, Bosnia Herzegovina, Republik Czech, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Macedonia, Ukraine, Uzbekistan, Emiriyah Arab Bersatu, Arab Saudi, Iraq dan Afrika Selatan.

Malaysia Kitchen Programme (MKP) merupakan satu aktiviti penggalakan baru MATRADE yang bertujuan untuk mempromosi makanan dan produk makanan Malaysia melalui restoran Malaysia di luar negara. MATRADE melaksanakan lebih daripada 24 aktiviti penggalakan khusus dan 14 program kesedaran pada 2010. Lebih daripada 500 restoran yang menyediakan hidangan makanan Malaysia di luar negara telah dikenal pasti dan disenaraikan dalam portal MKP.



1

3



2



4

TAJUK GAMBAR

- 1 CAEXPO 2010
- 2 Malaysia Fest Festival, Sydney
- 3 I- saloni 2010
- 4 MIHAS IBM 2010

Asia Timur Laut

Pada 2010, jumlah perdagangan Malaysia dengan Asia Timur Laut telah menyumbang 35 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia mengekalkan posisinya sebagai rakan perdagangan terbesar di rantau ini. Eksport dan import masing-masing meningkat sebanyak 21.2 peratus dan 20.3 peratus berbanding dengan 2009.

Republik Rakyat China merupakan destinasi eksport terbesar di rantau ini dengan nilai RM80.6 bilion. Jepun kekal sebagai destinasi eksport kedua terbesar menyumbang sebanyak RM66.3 bilion, diikuti oleh Hong Kong, Republik Korea dan Taiwan masing-masing dengan nilai eksport sebanyak RM32.5 bilion, RM24.3 bilion dan RM20.2 bilion.

MATRADE menganjurkan aktiviti penggalakan perdagangan termasuk lawatan rasmi oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, lawatan rasmi oleh YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI), tujuh Pameran Perdagangan Antarabangsa, dua Misi Perdagangan dan Pelaburan, satu Misi Pemasaran Khusus dan tiga Kaunter Promosi.

Jepun

Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri Malaysia
ke Tokyo

Lawatan Rasmi YB Menteri
ke Osaka

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- FOODEX Japan 2010, Chiba
- 2010 Automotive Engineering Exposition, Yokohama
- Joint Promotion Programmes with ASEAN-Japan Centre (AJC):
- Interior Lifestyle Exhibition, Tokyo
- ASEAN Food & Beverage Exhibition 2010, Tokyo

Kaunter Promosi

- APEC Green Showcase, Tokyo
- 13th Tokyo Industry Exhibition, Tokyo

Malaysia Kitchen Programme

- Taste of Malaysia Reception, Tokyo

Republik Rakyat China

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- 7th China-ASEAN Expo 2010

Misi Pemasaran Khusus

- *Processed Food to Guangzhou*
- *Water Treatment Management to Shandong*
- *Halal Products to Chengdu and Yinchuan*
- *Water Treatment and Solid Waste Management to Shanghai*

Malaysia Kitchen Programme

- Program Kesedaran MKP di Beijing

Hong Kong SAR

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Hong Kong International Jewellery Show 2010
- Hong Kong Houseware Fair 2010
- Hong Kong Gifts and Premium Fair 2010

Malaysia Kitchen Programme di

- *Participated in Agri Pro Asia 2010*
- *Participated in Hong Kong Food Expo 2010*
- *Participated in World SME Expo*

Macau SAR

Kaunter Promosi

- Macao Franchise Expo 2010

Republik Korea

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- *The 4th ATPF Joint Exhibition – International Food Industry Exhibition Show 2010*, Seoul
- *Joint Promotion Programmes with ASEAN–Korea Centre (AKC)’s*
 - Seoul Gifts Show 2010
 - ASEAN Food & Beverages Exhibition 2010

Misi Perdagangan dan Pelaburan

ke Seoul dan Busan

Taiwan

Misi Perdagangan dan Pelaburan

ke Taipei dan Kaohsiung

Misi Pemasaran Khusus

- Alat ganti dan komponen automotif ke Taiwan

Kaunter Promosi

- The Taipei International Building, Construction & Exhibition, Taipei



7th China-ASEAN Expo (CAEXPO 2010) Nanning, Republik Rakyat China

Pameran *7th China-ASEAN EXPO* diadakan dari 20 hingga 24 Oktober 2010 di Nanning, Daerah Guangxi, Republik Rakyat China. Sebanyak 101 syarikat Malaysia telah mengambil bahagian di dalam pameran ini dengan memenuhi 128 gerai pameran. Sejumlah 6,270 pertanyaan perniagaan telah diterima semasa pameran ini berlangsung.

Melalui penyertaan di dalam pameran ini, pempamer Malaysia berpeluang mengenalpasti dan menjalin rangkaian perniagaan dengan pengimport dan rakan niaga yang berpotensi. Sejumlah RM23.1 juta jualan langsung dan RM42.6 juta jualan berpotensi telah direkodkan semasa pameran berlangsung. Di samping itu, pelaburan berpotensi sebanyak RM129 juta telah dikenalpasti dalam bidang pertanian dan penjagaan kesihatan.

TAJUK GAMBAR

1 Caexpo, Nanning, Republik Rakyat China

ASEAN

Eksport Malaysia ke ASEAN pada 2010 bernilai RM162.45 bilion. Singapura telah menyumbang sebanyak 52.60 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia ke rantau ini. Malaysia mencatat imbangan perdagangan sebanyak RM24.99 bilion dengan Singapura.

Pada 2010, MATRADE menganjurkan lima Pameran Perdagangan Antarabangsa, dua Misi Perdagangan dan Pelaburan, tiga Misi Pemasaran Khusus dan dua Kaunter Promosi untuk menggalakkan eksport ke rantau ini.

Maklumat berkaitan aktiviti ini mengikut negara adalah seperti berikut:

Singapura

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Singapura

Misi Pemasaran Khusus

- Makanan diproses ke Singapura

Indonesia

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Indobuildtech 2010, Jakarta

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Jakarta

Misi Pemasaran Khusus

- Pembinaan dan perkhidmatan pembinaan, Jakarta

Kaunter Promosi

- Indomedical 2010, Jakarta

Malaysia Kitchen Programme

- Sempena *Charity Workshop*, Jakarta

Filipina

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Malaysia Solo Fair, Manila

Malaysia Kitchen Programme

- Program Kesedaran *MKP* di Manila

Thailand

Misi Pemasaran Khusus

- Mesin dan kelengkapan ke Bangkok

Kaunter Promosi

- Thailand Franchise & Business Opportunities 2010, Bangkok

Malaysia Kitchen Programme

- Kempen Pemasaran, Thailand

Vietnam

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Vietnam Expo 2010, Hanoi
- VI Trade Expo 2010, Ho Chi Minh City

Kaunter Promosi

- Medipharm 2010, Ho Chim Minh City

Kemboja

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Cambodia Solo Fair, Phnom Penh

Misi Pemasaran Khusus

- Pembinaan dan perkhidmatan berkaitan ke Phom Penh dan Vientiane

Kaunter Promosi

- Malaysia Solo Fair, Phnom Penh

Lexsun Solar Hot Water Systems

Lexsun Holdings Sdn Bhd telah ditubuhkan pada 2006. Syarikat ini merupakan pengeluar sistem air panas suria berkualiti di bawah jenama Lexsun untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Sistem Air Panas Suria Lexsun direka dan dikeluarkan bagi memenuhi keperluan rumah moden. Ianya adalah hasil dari kajian yang berterusan serta pembangunan yang memberi tumpuan kepada prestasi, keyakinan dan ketahanan. Sistem ini memastikan penyenggaraan yang minima dan menyediakan penyelesaian kos yang efektif kepada kenaikan kos pemanasan air yang kian meningkat di rumah serta lain-lain perniagaan seperti hotel, resort, kelab sukan dan restoran.

Syarikat ini telah berjaya menembusi pasaran Indonesia, Singapura, Papua New Guinea, Vietnam dengan bantuan MATRADE. Pasaran yang baru diterokai oleh Lexsun Holdings Sdn Bhd adalah Kemboja melalui penyertaan di dalam *Malaysia Solo Fair*.

Amerika Utara

Pada 2010, eksport Malaysia ke rantau Amerika Utara bernilai RM64.08 bilion. Amerika Syarikat menyumbang 95.12 peratus daripada jumlah eksport ke rantau ini.

MATRADE menganjurkan dua Pameran Perdagangan Antarabangsa, satu Misi Perdagangan dan Pelaburan, dua Misi Pemasaran Khusus dan enam Kaunter Promosi untuk menggalakkan eksport ke rantau ini pada 2010.

Butir-butir mengenai aktiviti-aktiviti ini mengikut negara adalah seperti berikut:

Amerika Syarikat

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- *Atlanta, Philadelphia dan Washington*

Misi Pemasaran Khusus

- Perabot ke New York
- Minyak dan Perkhidmatan gas ke Houston

Kaunter Promosi

- 35th Winter Fancy Food Show, San Francisco
- The International Boston Seafood Show, Boston
- National Restaurant Association Show, Chicago
- National Hardware Show 2010, Las Vegas
- Americas Food & Beverage Show, Miami

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- 56th Summer Fancy Food Show, New York
- Automotive Aftermarket Products Expo 2010 (AAPEX), Las Vegas

Malaysia Kitchen Programme

- Pelancaran MKP di *International Culinary Centre, New York*
- Lucky Rice Festival, *Manhattan Bridge Archway, New York*
- Penyertaan dalam *Fashion Week Night Market, New York*
- MKP Food Truck di *Manhattan, Queens*
- Taste of Malaysia di *Great Wall Supermarket, New York*
- Malaysia Restaurant Week, *New York*
- Summer Fancy Food Show, *New York*
- Penyertaan dalam *Los Angeles Night Market, California*
- *Chef working visit to Malaysia*
- *Familiarisation Visit to Malaysia*
- *Educational Chef Trip to Malaysia*

Kanada

Misi Pemasaran Khusus

- Perabot ke Toronto

Kaunter Promosi

- SIAL Montreal, Montreal

Malaysia Kitchen Programme

- Pelancaran MKP di *Restoran Villa Malaysia Lounge & Grill, Toronto*
- Promosi Media Atas Talian melalui *Canadian Restaurant & Food Services Association (CRFA)*

TAJUK GAMBAR

1 Pertemuan perniagaan diatur terlebih dahulu semasa Misi Pemasaran Khusus berkenaan Perabot ke New York

Misi Pemasaran Khusus untuk Perabot ke New York dan Toronto

Misi Pemasaran Khusus untuk perabot ke New York dan Toronto diadakan dari 1 hingga 8 Mei 2010. Objektif utama misi ini adalah untuk mempromosikan perabot buatan Malaysia kepada pengimport berpotensi di New York dan Toronto. Antara perabot yang dipromosikan termasuk perabot bilik tidur, perabot ruang tetamu, perabot pejabat dan perabot kanak-kanak.

Taklimat dan pertemuan perniagaan diadakan di premis pengimport dan pengedar perabot utama. MATRADE mengatitkan sejumlah 162 pertemuan perniagaan. Syarikat Malaysia melaporkan jualan langsung sebanyak RM3.2 juta dan jualan berpotensi bernilai RM39.2 juta.

Peserta misi ini juga mendapat pemahaman lanjut mengenai trend dan amalan pembelian perabot termasuk rangkaian bekalan, cara pembelian dan pengedaran perabot dengan melawat peruncit utama perabot, bilik pameran serta gudang di New York dan Toronto.



1

Kesatuan Eropah (EU)

Kesatuan Eropah merupakan rantau eksport keempat terbesar, menyumbang 10.8 peratus daripada jumlah eksport Malaysia. Belanda, Jerman, United Kingdom, Perancis dan Itali merupakan pasaran utama di Kesatuan Eropah.

Pada 2010, MATRADE menganjurkan penyertaan syarikat Malaysia dalam tujuh Pameran Perdagangan Antarabangsa, dua Kaunter Promosi, satu Misi Perdagangan dan Pelaburan, dan tiga Misi Pemasaran Khusus ke rantau ini.

Jerman

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- CeBIT, Hannover
- K 2010, Duesseldorf

Kaunter Promosi

- Frankfurt Book Fair
- BME Global Purchasing Symposium, Berlin

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Amsterdam, Hamburg dan Birmingham

Misi Pemasaran Khusus

- sempena K 2010, Duesseldorf
- sempena Frankfurt Book Fair
- berkenaan penyumberan ke Jerman

Perancis

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Who's Next, Paris
- SIAL, Paris

Itali

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- I Saloni, Milan

Belanda

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- World of Private Labels, Amsterdam

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Amsterdam, Hamburg dan Birmingham

United Kingdom

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Interiors Birmingham

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Birmingham, Amsterdam dan Hamburg

Malaysia Kitchen Programme

- Restaurant Round Table Event, London
- Pertemuan YB Menteri dengan pengusaha restoran di London dan Belanda.
- Pelancaran Kempen Dapur Malaysia 2010 London oleh Timbalan Perdana Menteri di Restoran Jom Makan, London
- Asia House Food Festival, London dianjurkan oleh Asia House dan British Malaysia Association dan MATRADE
- Penyertaan dalam Taste of London, Regent's Park, London
- Malaysia Kitchen Curry Fest, London
- Program promosi di Selfridges (London, Birmingham, Manchester Trafford, Manchester Exchange)
- Penyertaan dalam *Night Market* di Trafalgar Square, London
- Perasmian Restoran Jom Makan yang ketiga di Loughborough University, London
- Penyertaan dalam London Restaurant Festival
- Malaysian Banquet di Delima Restaurant, United Kingdom
- Penyertaan dalam Regional Tour of Waitrose, United Kingdom
- Malaysian Banquet di Poet Bar, United Kingdom
- Kerjasama dengan *Chef Association Malaysia, Malaysia Culinary Schools, MAS, Fried Chillies, Fire Fly, Air Asia* dan *Collateral*

1

Who's Next, Paris 2010

Who's Next merupakan salah satu daripada acara ikonik yang dikenalpasti oleh MATRADE untuk mempromosi pereka fesyen Malaysia di pasaran antarabangsa khususnya Eropah. Ini merupakan kali ketiga pereka fesyen Malaysia menyertai pameran ini. Pereka yang menyertai pameran pada 2010 adalah Calvin Thoo, Khoon Hooi, Intoxi-Kate, Innai, Sofira, Ikartini, Meesha Sukira dan Rizman Ruzaini.

Objektif penyertaan pameran *Who's Next* adalah bagi mempromosikan jenama fesyen Malaysia serta mewujudkan kesedaran keupayaan Malaysia di dalam rekaan fesyen pakaian. Pertemuan perniagaan yang diselenggarakan oleh MATRADE untuk pereka fesyen Malaysia dengan pembeli dan agen di Paris dan kawasan sekitar Eropah menjana jualan berpotensi bernilai RM3 juta.



2



3



4

Asia Selatan

Pada 2010, jumlah eksport Malaysia ke Asia Selatan adalah bernilai RM34.46 bilion. Destinasi eksport utama adalah India dan diikuti oleh Pakistan, masing-masing menyumbang 60.8 peratus dan 21.8 peratus syer kepada jumlah eksport. Import dari Asia Selatan bernilai RM8.80 bilion, di mana 90.7 peratus adalah dari India.

Secara keseluruhan, jumlah perdagangan antara Malaysia dan Asia Selatan adalah bernilai RM43.26 bilion pada 2010 di mana India merupakan negara perdagangan terbesar di rantau ini. Aktiviti penggalakan perdagangan yang dianjurkan oleh MATRADE di rantau ini termasuk lawatan rasmi YAB Perdana Menteri Malaysia dan tiga Misi Pemasaran Khusus.

India

Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri
ke New Delhi dan Chennai

Bangladesh

Pameran Perdagangan Antarabangsa
• 5th Lucas Dhaka Auto Show 2010

Misi Pemasaran Khusus

- Produk dan Perkhidmatan Automotif ke Dhaka

Sri Lanka

Misi Pemasaran Khusus

- Perkhidmatan Profesional dan Pembinaan

Misi Pemasaran Khusus untuk Perkhidmatan Profesional dan Pembinaan ke Sri Lanka

MATRADE menganjurkan Misi Pemasaran Khusus untuk perkhidmatan profesional dan pembinaan dari 14 hingga 17 Disember 2010 ke Colombo, Sri Lanka. Antara sektor utama yang terlibat termasuk kejuruteraan awam (pembinaan bangunan, lebuh raya, landasan lapangan terbang, taxiways, jambatan dan landasan kereta api); rekabentuk projek; pengurusan dan kontrak dalam bidang kejuruteraan elektrik dan mekanikal; *geotechnical*, pembangunan perbandaran dan hartanah, seni bina dan, rekabentuk dalaman. Lain-lain sektor termasuk perancangan perundingan dan perkhidmatan rekaan; mereka, membina, menyelenggara dan memperbaharui loji rawatan pembetungan; perkhidmatan konsesi lebuh raya; Perkhidmatan pengurusan kemudahan bersepadu; operasi system, penyenggaraan serta khidmat nasihat; Sistem Binaan Berindustri (IBS) bangunan bermodul; pengilangan panel-panel komposit serat kayu dan batu hiasan.

Delegasi perniagaan termasuk wakil dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) serta pembekal perkhidmatan pembinaan terkemuka seperti UEM Group Bhd, Sunway Construction Sdn Bhd dan PLUS Expressways Bhd. Sejumlah 71 syarikat Sri Lanka telah menyertai 112 pertemuan perniagaan individu dengan syarikat Malaysia. Hasil pertemuan ini menjana perniagaan berpotensi bernilai RM147.6 juta.

Asia Barat

Pada 2010, perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Asia Barat bernilai RM43.89 bilion. Jumlah eksport ke rantau ini meningkat sebanyak 5.99 peratus kepada RM24.54 bilion. Pasaran eksport utama dalam rantau Asia Barat adalah Emiriyah Arab Bersatu, Arab Saudi, Iran, Turki dan Kuwait.

Aktiviti penggalakan yang dianjurkan oleh MATRADE ke rantau ini termasuk lima Pameran Perdagangan Antarabangsa, satu Misi Perdagangan dan Pelaburan, dua Misi Pemasaran Khusus dan enam Kaunter Promosi.

Aktiviti mengikut negara adalah seperti berikut:

Emiriyah Arab Bersatu

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Arab Health 2010, Dubai
- Gulfood 2010, Dubai
- Malaysia Services Exhibition (MSE) 2010, Dubai
- Big 5 2010, Dubai

Kaunter Promosi

- World Future Energy 2010, Abu Dhabi
- ADIPEC 2010, Abu Dhabi

Arab Saudi

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Doha, Riyadh dan Jeddah

Misi Pemasaran Khusus

- Kelengkapan Hotel ke Jeddah dan Riyadh
- Pembinaan dan Bahan Binaan ke Riyadh dan Jeddah

Kaunter Promosi

- Food and Hotel Arabia 2010, Jeddah
- Saudi Build 2010, Riyadh

Qatar

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Doha, Riyadh dan Jeddah

Iran

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Tehran International Industry Fair 2010

Syria

Kaunter Promosi

- The 57th Damascus International Fair 2010

Iraq

Kaunter Promosi

- Project Iraq 2010, Erbil

Arab Health 2010

Arab Health 2010 merupakan pameran perdagangan berkaitan penjagaan kesihatan dan perubatan yang diadakan di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu dari 25 hingga 28 Januari 2010. MATRADE menyelaras penyertaan 15 syarikat Malaysia sepanjang empat hari pameran ini berlangsung. Antara produk dan perkhidmatan yang dipamerkan oleh syarikat Malaysia termasuk produk perubatan pakai buang, herba tambahan, produk farmaseutikal, peralatan dan perabot hospital dan pengurusan kemudahan bersepadu.

Antara produk dan perkhidmatan yang dipamerkan sempena pameran ini adalah rumusan kopi herba, alat-alat pertolongan cemas, alat ujian diagnostik, picagari keselamatan, peralatan makmal dan perubatan, produk perubatan pakai buang, sarung tangan getah pemeriksaan dan pembedahan, kondom, sistem perlindungan permukaan, produk anti alahan, peralatan dan perabot hospital, perubatan farmaseutikal, produk formula kecantikan, peralatan khatan mudah sembuh pakai buang serta minyak berubat.

Sebanyak RM13.95 juta telah dicatatkan menerusi jualan langsung manakala jualan berpotensi bernilai RM101.07 juta telah dilaporkan semasa pameran. Ini merupakan peningkatan yang ketara iaitu 96 peratus berbanding 2009.

Oceania

Pada 2010, eksport Malaysia ke Oceania bernilai RM28.10 bilion. Australia menyumbang sebanyak 84.03 peratus daripada jumlah eksport ke rantau ini. Malaysia mencatat imbangan perdagangan sebanyak RM13.82 bilion dengan Australia.

MATRADE menganjurkan penyertaan syarikat Malaysia dalam satu Pameran Perdagangan Antarabangsa dan dua Misi Pemasaran Khusus untuk menggalakkan eksport ke rantau ini.

Aktiviti mengikut negara adalah seperti berikut:

Australia

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Fine Food Australia 2010, Melbourne

Misi Pemasaran Khusus

- Peralatan Binaan (Designbuild), Melbourne
- Perabot ke Sydney

Malaysia Kitchen Programme

- Program Promosi ke Australia (Perth, Brisbane, Gold Coast dan Canberra)
- *Malaysia Fest Festival*, Sydney
- Lawatan YB Menteri ke Sydney
- Penyertaan semasa *Film Festival*, Melbourne
- Penyertaan di *Flavour of Malaysia Food Festival*, Sydney
- Program Kesedaran di Australia
- Penyertaan di *1Malaysia Best Carnival* di Perth, Australia

Fine Food Australia

Fine Food Australia merupakan pameran utama bagi sektor makanan yang diadakan di Australia secara bergilir setiap tahun antara Sydney dan Melbourne. Sejumlah 16 syarikat Malaysia menyertai *Fine Food Australia 2010* yang berlangsung selama empat hari. Sebanyak RM4.5 juta jualan langsung dan jualan berpotensi bernilai RM23 juta telah direkodkan. Ini merupakan peningkatan sebanyak 50 peratus berbanding jualan yang dilaporkan pada 2009.

Produk yang mendapat perhatian para pengunjung termasuk bekas dan pinggan plastik pakai buang, snek dan konfeksi, makanan laut diproses, minuman, pastri, minyak masak dan perasa makanan.

New Zealand

Malaysia Kitchen Programme

- Seminar Kesedaran di Auckland, New Zealand
- Promosi di Wellington, New Zealand
- Penyertaan di *Taste of Auckland*, New Zealand

Afrika

Pada 2010, jumlah perdagangan antara Malaysia dan Afrika bernilai RM24.99 bilion. Ini merupakan peningkatan sebanyak 38.97 peratus berbanding dengan RM17.99 bilion bagi tahun sebelumnya. Afrika Selatan merupakan rakan perdagangan terbesar di rantau ini di mana Mesir adalah destinasi eksport terbesar. Eksport ke Mesir, Afrika Selatan, Benin, Togo dan Djibouti menyumbang 65.1 peratus (RM10.27 bilion) dari jumlah keseluruhan eksport ke rantau ini iaitu RM15.79 bilion.

MATRADE menganjurkan tujuh aktiviti penggalakan perdagangan di rantau ini iaitu dua Misi Pemasaran Khusus, dua Lawatan Penggalakan Perdagangan dan tiga Kaunter Promosi.

Aktiviti mengikut negara adalah seperti berikut:

Afrika Selatan

Misi Pemasaran Khusus

- Produk Perubatan ke Durban dan Johannesburg

Mesir

Misi Pemasaran Khusus

- Alat ganti dan komponen automotif serta bahan pembinaan ke Kaherah

Kaunter Promosi

- 43rd Cairo International Fair
- Egymedica 10: 10th International Medical Exhibition & Conference
- 15th Automech Akhbar El Yom Exhibition

Sudan

Lawatan Penggalakan Perdagangan

- ke Khartoum

Algeria

Lawatan Penggalakan Perdagangan

- ke Algiers

Misi Pemasaran Khusus Produk Perubatan ke Johannesburg dan Durban

Misi Pemasaran Khusus produk perubatan ke Johannesburg dan Durban telah diadakan dari 25 hingga 30 Julai 2010. Tujuan misi ini adalah bagi meneroka dan meninjau peluang perniagaan di pasaran Afrika Selatan. Industri farmaseutikal Afrika Selatan telah membangun dengan pesat merangkumi rangkaian pengilang farmaseutikal, pengedar dan pengagih yang kompleks. Sebanyak 31 pertemuan perniagaan telah diaturkan oleh MATRADE untuk wakil dari dua syarikat Malaysia. Pertemuan perniagaan tersebut telah menjana jualan berpotensi bernilai RM6.6 juta.

Amerika Latin

Pada 2010, jumlah perdagangan antara Malaysia dan Amerika Latin adalah bernilai RM26.66 bilion. Lima rakan perdagangan utama Malaysia di rantau ini adalah Brazil, Mexico, Costa Rica, Argentina dan Chile, yang menyumbang sebanyak 83.5 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia di rantau ini.

Eksport Malaysia ke Amerika Latin meningkat sebanyak 30.44 peratus dari RM9.11 bilion ke RM11.89 bilion. Antara eksport utama ke Amerika Latin adalah produk elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian, produk getah, jentera, perkakasan dan alat ganti serta kimia dan produk kimia.

MATRADE menyelaras sejumlah 12 aktiviti penggalakan perdagangan bagi di rantau ini meliputi lapan Kaunter Promosi, dua Misi Pemasaran Khusus dan dua Lawatan Penggalakan Perdagangan. Aktiviti ini melibatkan sektor tekstil, pakaian, peralatan perubatan, pembinaan dan peralatan bangunan, produk perubatan pakai buang, produk makanan dan minuman serta perkhidmatan berkaitan makanan.

Aktiviti mengikut negara adalah seperti berikut:

Mexico

Kaunter Promosi

- Intermoda, Guadalajara
- Expocomer, Panama City
- Meditech, Columbia

Lawatan Penggalakan Perdagangan

- ke Panama

Brazil

Kaunter Promosi

- Feicon Batimat, Sao Paulo
- Hospitalar, Sao Paulo
- Fispal, Sao Paulo 2010

Misi Pemasaran Khusus

- Makanan dan Minuman ke Sao Paulo

Chile

Kaunter Promosi

- Edifica 2010, Santiago
- FIA 2010, Arequipa, Peru

Misi Pemasaran Khusus

- Makanan dan Minuman ke Santiago, Chile

Lawatan Penggalakan Perdagangan

- ke Lima, Peru

Misi Pemasaran Khusus ke Chile dan Brazil

Enam syarikat Malaysia menyertai Misi Pemasaran Khusus dari 21 hingga 29 Julai 2010 ke Santiago, Chile dan Sao Paulo, Brazil. Antara produk yang dipromosikan semasa misi ini adalah serbuk koko, konfeksi, minuman tenaga dan kesihatan, makanan sejuk beku, marjerin dan lemak, sos serta snek.

Pejabat MATRADE di Sao Paulo dan Santiago mengatitkan sejumlah 129 pertemuan perniagaan antara syarikat Malaysia dengan syarikat Chile dan Brazil. Semasa pertemuan perniagaan, pengeksport Malaysia mengambil peluang mempromosikan produk mereka kepada pengimport serta pasaraya utama dan rangkaian runcit, seperti Velarde Hnos SA dan Cencosud SA di Chile dan Walmart serta Makro di Brazil.

Syarikat Malaysia melaporkan jualan langsung sebanyak RM3.58 juta dan jualan berpotensi bernilai RM19.2 juta.



1

TAJUK GAMBAR

1 Pertemuan perniagaan diatur terlebih dahulu di Sao Paulo, Brazil

Eropah Timur

Pada 2010, perdagangan dua hala antara Malaysia dan Eropah berjumlah RM10.73 bilion, meningkat sebanyak 16.1 peratus daripada RM9.24 bilion yang dicatatkan pada 2009. Jumlah eksport adalah RM7.12 bilion manakala import RM3.61 bilion.

Persekutuan Rusia, Ukraine, Poland, Republik Czech dan Hungary merupakan lima rakan perdagangan utama yang menyumbang 82 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia di rantau ini.

Rakan perdagangan Malaysia terbesar di Eropah Timur pada 2010 adalah Persekutuan Rusia. MATRADE menganjurkan satu Misi Pemasaran Khusus dan satu Kaunter Promosi.

Persekutuan Rusia

Misi Pemasaran Khusus

- ke Moscow dan Kazan

TAJUK GAMBAR

1/2 Pertemuan antara pembeli Rusia dengan pengeksport Malaysia semasa Misi Pemasaran Khusus anjuran MATRADE ke Moscow dan Kazan



1

Misi Pemasaran Khusus ke Moscow dan Kazan

MATRADE menganjurkan Misi Pemasaran Khusus ke Moscow dan Kazan, Persekutuan Rusia, dari 4 hingga 7 Oktober 2010. Tujuan misi adalah untuk menggalak dan meneroka peluang perniagaan serta kerjasama antara syarikat Malaysia dan Rusia.

Antara produk yang dipromosikan adalah alat ganti dan komponen automotif, konfeksi, produk makanan serta farmaseutikal. Syarikat Malaysia berjaya menjalin kerjasama perniagaan dengan pembeli berpotensi semasa pertemuan perniagaan tersebut. Jualan langsung yang dilaporkan adalah sebanyak RM2.5 juta dan jualan berpotensi bernilai RM12.86.




2

Petunjuk Kecekapan

2010


2009



Bilangan Penerbitan

2010

2009



Petunjuk Hasil (Jualan langsung dan jualan berpotensi pada 2010)

Langsung

Berpotensi

Kategori	Jualan (RM Juta) 2010		Jualan (RM Juta) 2009	
	Langsung	Berpotensi	Langsung	Berpotensi
Pameran Perdagangan Antarabangsa	213.98	13,632.16	1,980.69	7,938.59
Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri	0.03	521.28	0	362.5
Misi Perdagangan dan Pelaburan / Lawatan Rasmi YB Menteri Miti	3.5	147.99	27.46	433.47
Misi Pemasaran Khusus & Umum	16.015	2,830.2	34.68	1,256.16
Misi Belian	311.585	5,467.982	656.625	2,080.25

Produk dan Perkhidmatan

Pengeksport Malaysia mempunyai reputasi yang baik dan berkemampuan untuk memenuhi permintaan serta menawarkan produk dan perkhidmatan berkualiti di peringkat antarabangsa. Pada 2010, MATRADE mempergiatkan aktiviti penggalakan perdagangan untuk produk dan perkhidmatan Malaysia ke negara terpilih. Tumpuan aktiviti penggalakan pada 2010 meliputi makanan diproses, bahan pembinaan, perabot, alat ganti dan komponen automotif, kimia dan produk kimia, tekstil dan pakaian serta produk E&E. Dalam sektor perkhidmatan pula, tumpuan diberikan kepada pembinaan, penjagaan kesihatan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), minyak dan gas, logistik, francais dan perkhidmatan profesional.

Makanan Diproses

Makanan diproses merupakan penyumbang ke lapan terbesar kepada pendapatan eksport negara pada 2010. Ianya menyumbang 1.9 peratus daripada jumlah eksport pengilangan Malaysia. Eksport makanan diproses meningkat sebanyak 11.6 peratus kepada RM11.99 bilion, berbanding dengan RM10.75 bilion pada 2009.

Eksport utama makanan diproses pada 2010 adalah:

- Koko dan persediaan koko yang meningkat sebanyak 26.3 peratus kepada RM3.91 bilion;
- Bijirin tersedia dan sediaan tepung yang meningkat sebanyak 5.8 peratus kepada RM1.39 bilion;

- Gula dan konfeksi gula yang meningkat sebanyak 58.9 peratus kepada RM873.3 juta; dan
- Makanan laut diproses yang meningkat sebanyak 4 peratus kepada RM574 juta.

MATRADE menganjurkan aktiviti penggalakan berikut untuk makanan diproses pada 2010:

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Gulfood 2010, Dubai, Emiriyah Arab Bersatu
- Foodex 2010, Chiba, Jepun
- Seoul Food & Hotel 2010, Seoul, Republik Korea
- 56th Summer Fancy Food Show, New York City, Amerika Syarikat
- SIAL Paris 2010, Paris, Perancis
- Fine Food Australia 2010, Melbourne, Australia

Kaunter Promosi

- 35th Winter Fancy Food, San Francisco, Amerika Syarikat
- SIAL Montreal 2010, Montreal, Kanada
- The 15th Food dan Hotel Arabia 2010, Jeddah, Saudi Arabia
- FISPAL 2010, Sao Paolo, Brazil
- Ethnic & Specialty Food Expo 2010, Toronto, Kanada
- IFE Americas Food & Beverage Show 2010, Miami, Amerika Syarikat

Perubahan citarasa pengguna khususnya untuk makanan segera yang berkhasiat telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pengilang Malaysia telah mengambil peluang di pasaran ini dengan menawarkan pelbagai pilihan makanan diproses termasuk makanan mudah sedia serta makanan berkhasiat.

TAJUK GAMBAR

1/2 Produk makanan dan minuman Malaysia



Bahan Binaan Bangunan

Pada 2010, jumlah eksport bahan binaan bernilai RM18.65 bilion berbanding dengan RM19.10 bilion pada 2009. Lima destinasi eksport utama bahan binaan adalah Jepun (RM2.74 bilion), Singapura (RM2.66 bilion), Thailand (RM1.14 bilion), Republik Korea (RM1.1 bilion) dan Amerika Syarikat (RM899.78 juta). Eksport ke Taiwan dan India masing-masing mencatatkan pertumbuhan ketara sebanyak 34.1 peratus dan 118.6 peratus yang bernilai RM775.65 juta dan RM506.13 juta pada 2010.

Eksport utama bahan binaan adalah:

- Venier, papan lapis, papan partikel dan kayu bernilai RM5.15 bilion yang menyumbang 27.6 peratus syer daripada jumlah keseluruhan eksport bahan binaan pada 2010;
- Tiub, paip dan kelengkapannya daripada besi dan keluli, bernilai RM2.6 bilion yang menyumbang 14 peratus syer;
- Paku, skru, nat, bolt besi, keluli, tembaga atau aluminium bernilai RM1.78 bilion yang menyumbang 9.5 peratus syer.

MATRADE telah menganjurkan lapan aktiviti penggalakan perdagangan bagi mempromosi bahan binaan pada 2010:

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Indobuildtech Expo 2010, Jakarta, Indonesia
- Tehran International Industry Fair, Tehran, Iran
- Big 5 2010, Dubai, Emiriyah Arab Bersatu

Misi Pemasaran Khusus

- Jakarta
- Melbourne

Kaunter Promosi

- Feicon Batimat, Sao Paolo
- National Hardware Show, Las Vegas
- EDIFICA 2010, Santiago

Penyertaan syarikat Malaysia dalam aktiviti penggalakan ini menjana jualan langsung sebanyak RM2.2 juta dan jualan berpotensi bernilai RM133.66 juta.

Perabot

Eksport perabot mencatat peningkatan sebanyak 4.4 peratus kepada RM7.96 bilion pada 2010, berbanding dengan RM7.62 bilion pada 2009. Ini menyumbang sebanyak 1.72 peratus syer daripada jumlah keseluruhan eksport produk pengilangan.

Eksport utama adalah:

- Perabot kayu, meningkat sebanyak 4.4 peratus kepada RM6.52 bilion;
- Perabot logam, menurun 5.4 peratus bernilai RM571 juta;
- Tempat duduk dan alat ganti, meningkat sebanyak 17.1 peratus bernilai RM558.2 juta;

- Alat ganti perabot, meningkat sebanyak 2.6 peratus bernilai RM257 juta;
- Perabot plastik, meningkat sebanyak 9.5 peratus bernilai RM26.4 juta; dan
- Perabot daripada pelbagai bahan lain meningkat sebanyak 14.9 peratus bernilai RM25.7 juta

Aktiviti penggalakan yang diselenggarakan oleh MATRADE pada 2010 untuk industri perabot adalah:

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Interiors Birmingham 2010, Birmingham, United Kingdom
- I-Saloni 2010, Milan, Itali

Misi Pemasaran Khusus

- New York, Amerika Syarikat dan Toronto, Kanada
- Melbourne, Australia

Kaunter Promosi

- Meble, Poland 2010
- 43rd Cairo International Fair 2010, Kaherah, Mesir

Di dalam usaha untuk menempat dan mengukuhkan industri perabot Malaysia di pasaran antarabangsa, syarikat Malaysia semakin inovatif menerusi penggunaan pelbagai bahan seperti logam, kaca, plastik dan bahan komposit bersama dengan kayu di dalam penghasilan perabot bagi pasaran yang semakin canggih. Syarikat perabot turut meningkatkan pelaburan dalam penjenamaan bagi membezakan perabot Malaysia dengan pesaing global. Industri perabot Malaysia yang berteknologi tinggi dengan penekanan kepada rekabentuk tersendiri akan mengukuhkan lagi kedudukan industri perabot Malaysia di pasaran antarabangsa.

Pavilion Malaysia di I Saloni 2010 – Salone Internazionale del Mobile, Milan, Itali

Pameran I Saloni yang ke-49 telah diadakan dari 14 hingga 19 April 2010 di Milan, Itali. Ia merupakan penyertaan Malaysia buat kali kedua dalam pameran perdagangan 'crème de la crème' industri perabot antarabangsa. Lima syarikat perabot Malaysia yang terpilih telah menyertai Pavilion Malaysia. Tiga daripadanya telah bekerjasama dengan berkongsi kepakaran dalam merekabentuk perabot yang mengadunkan ciri-ciri warisan Malaysia ke dalam perabot kontemporari iaitu gabungan unsur-unsur moden dan tradisional.

Pameran ini telah berjaya menarik lebih 300,000 pelawat perdagangan dan diberi liputan meluas oleh 4,000 wakil media tempatan dan antarabangsa. MATRADE telah menggunakan pameran ini sebagai platform untuk mengetengahkan jenama perabot Malaysia di pasaran antarabangsa khususnya di Eropah. Sebanyak 322 pertanyaan diterima dan jualan langsung sebanyak RM4.7 juta dilaporkan.

Alat Ganti dan Komponen Automotif

Jumlah eksport alat ganti dan komponen automotif meningkat 29.6 peratus kepada RM2.57 bilion berbanding dengan RM1.98 bilion pada tahun sebelumnya.

Antara eksport utama adalah:

- roda stereng, turus roda kemudi dan kotak stereng (RM698.3 juta);
- alat ganti pelbagai, roda gigi, pinan, *spoke and parts* (RM679.7 juta);
- bampar dan peralatan (RM347.6 juta); dan
- alat lain dan aksesori kereta (termasuk cabs) (RM221.5 juta).

Pasaran rantau utama eksport untuk alat ganti dan komponen automotif adalah ASEAN bernilai RM1.16 bilion di mana Indonesia, Thailand dan Singapura secara kolektif telah menyumbang 92 peratus daripada jumlah eksport tersebut.

Lain-lain destinasi eksport termasuk Jepun (RM192.9 juta), Republik Rakyat China (RM162.5 juta) dan Amerika Syarikat (RM 100.9 juta).

MATRADE menyelaras penyertaan syarikat Malaysia untuk mempromosi eksport alat ganti dan komponen automotif Malaysia ke luar negara di dalam aktiviti berikut:

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Automotive Engineering Exposition 2010, Yokohama, Jepun
- Automotive Aftermarket Products Expo (AAPEX) 2010, Las Vegas, Amerika Syarikat

Kaunter Promosi

- Autoasia 2010, Karachi, Pakistan
- 15th Automech Akhbar El Yom Exhibition, Kaherah, Mesir

Misi Pemasaran Khusus

- Dhaka, Pakistan
- Taipei, Taiwan
- Kaherah, Mesir
- Moscow, Rusia

Kimia dan Produk Kimia

Pada 2010, eksport kimia dan produk kimia Malaysia telah meningkat 24.1 peratus kepada RM40.8 bilion, berbanding RM32.9 bilion pada 2009. Sektor ini menyumbang 6.4 peratus dari jumlah eksport Malaysia.

Pertumbuhan ketara telah direkod dalam kategori berikut:

- Bahan kimia organik, meningkat sebanyak 36.8 peratus, kepada RM16.8 bilion, dengan syer 41.3 peratus. Ini adalah hasil dari pertumbuhan eksport yang tinggi bagi alkohol, asid karbolik dan derivatif, asid karboksilik, anhydrides dan derivatif dan hidrokarbon dan derivatif.
- Plastik dalam bentuk asas (26.4 peratus, RM10.4 bilion). Peningkatan ini disokong oleh kenaikan eksport etilena polimer dan polyacetals dan polycarbonates.
- Bahan dan produk kimia, (18.0 peratus, RM5.2 bilion). Peningkatan ini disokong oleh kenaikan eksport penjilid untuk acuan foundri.
- Minyak pati dan minyak wangi, persediaan pembersihan tandas (7.8 peratus, RM3.1 bilion). Peningkatan ini adalah sumbangan dari kenaikan eksport sabun, persediaan pembersihan dan penggilap.

Industri Tekstil dan Pakaian

Pada 2010, eksport industri tekstil dan pakaian Malaysia merekodkan jumlah RM9.3 bilion iaitu 1.5 peratus syer dari jumlah keseluruhan eksport Malaysia. Pasaran eksport utama bagi tekstil dan pakaian Malaysia adalah Amerika Syarikat, Jepun, Turki, Republik Rakyat China dan Indonesia. Eksport tekstil menguasai lebih dari separuh daripada jumlah keseluruhan eksport industri tekstil dan pakaian.

Industri pakaian terdiri daripada pakaian siapapakai dan pakaian berjenama. Kebanyakan pakaian siapapakai dikilangkan secara kontrak untuk jenama asing yang terkemuka. Kualiti pakaian siapapakai tersebut telah diterima dengan baik. Ini telah memberi dorongan kepada pengilang tempatan mengeluarkan jenama mereka sendiri untuk pasaran antarabangsa.

Pakaian rekaan dari pereka fesyen mudah mendapat tempat di kalangan pengguna tempatan dan luar negara. Beberapa pereka fesyen tempatan telah mempamerkan rekaan mereka di pusat fesyen antarabangsa dan diterima baik pembeli asing.

Pada 2010, MATRADE telah menyertai dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa, *Who's Next?* di Paris. Sempena Minggu Fesyen Antarabangsa Malaysia yang diadakan di Kuala Lumpur, MATRADE telah menganjurkan Misi Belian untuk pembeli serta agen dari Rusia, Australia, Perancis, Jordan, Afrika Selatan, Sri Lanka dan Singapura.

E&E dan Produk Hijau

Pada 2010, eksport produk E&E bernilai RM249.8 bilion, menyumbang sebanyak 39.1 peratus syer daripada jumlah eksport Malaysia. Eksport E&E meningkat sebanyak 8.6 peratus dari RM230.08 bilion pada 2009.

Peningkatan utama dalam eksport dicatatkan untuk:

- Radas resepsi TV, *monitor* dan projektor (eksport meningkat sebanyak 65.4 peratus kepada RM16.99 bilion pada 2010);
- Alatan semikonduktor, litar bersepadu, transistor dan valve (dengan 5.2 peratus kepada RM97.86 bilion);
- Radas elektrik untuk litar elektrik & litar yang dicetak (dengan 39 peratus kepada RM16.04 bilion);
- Jentera elektrik dan radas (dengan 26.8 peratus kepada RM8.34 bilion); dan
- Pemprosesan Data Automatik (ADP) (dengan 4.1 peratus kepada RM35.44 bilion).

Lima eksport utama produk E&E pada 2010 adalah :

- Peralatan semikonduktor, litar bersepadu, transistor dan injap menyumbang sebanyak 39.2 peratus syer jumlah eksport produk E&E pada 2010;
- ADP (syer 14.2 peratus);
- Alat dan aksesori mesin pejabat dan mesin ADP (syer 13.9 peratus);
- Peralatan telekomunikasi dan alat (syer 7 peratus); dan
- Radas resepsi TV, monitor dan projektor (syer 6.8 peratus).

Republik Rakyat China, Singapura, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Jepun kekal sebagai lima destinasi eksport utama produk E&E Malaysia. Pasaran ini secara kolektif mewakili 62.5 peratus syer daripada jumlah eksport produk E&E pada 2010.

Eksport produk E&E ke Republik Rakyat China meningkat 11.7 peratus kepada RM40.93 bilion pada 2010. Peningkatan ini adalah hasil daripada jumlah peningkatan eksport alat dan aksesori mesin pejabat dan mesin ADP (sebanyak 72.4 peratus kepada RM7.28 bilion).

Eksport produk E&E ke Singapura meningkat 12.4 peratus kepada RM36.2 bilion pada 2010. Peningkatan dalam eksport peralatan semikonduktor, litar bersepadu, transistor & injap; dan alat & aksesori jentera pejabat serta mesin ADP sebanyak 13.3 peratus dan 18.9 peratus masing-masing menyumbang kepada pertumbuhan eksport produk E&E ke Singapura pada 2010.

Eksport produk E&E ke Hong Kong mencatat pertumbuhan 10.2 peratus kepada RM25.27 bilion. Peningkatan ini adalah hasil dari pertumbuhan eksport alat semikonduktor, litar bersepadu, transistor dan injap.

Pada 2010, eksport produk E&E ke Jepun meningkat sebanyak 15.4 peratus kepada RM18.27 bilion. Peningkatan dalam eksport radas resepsi TV, monitor dan projektor menyumbang kepada penambahan eksport produk E&E ke Jepun. Eksport produk E&E ke Amerika Syarikat menurun 11.2 peratus kepada RM35.47 bilion pada 2010.

Beberapa tahun kebelakangan ini, permintaan untuk produk teknologi hijau kian meningkat. Di dalam sektor E&E, produk bebas dari bahan merbahaya, dengan ciri cekap dan jimat tenaga serta berkeupayaan guna semula semakin mendapat sambutan.

Bagi menggalakkan industri E&E dan produk hijau, MATRADE telah menganjurkan aktiviti promosi galakan seperti berikut:

- Misi Belian sempena dengan *International Greentech & Eco Products Exhibition* dan *Conference Malaysia* (IGEM 2010) untuk syarikat Malaysia bagi mempromosi produk hijau mereka kepada pembeli asing. Pertemuan perniagaan yang diatitkan oleh MATRADE berjaya mencatat jualan langsung sebanyak RM7.4 juta dan jualan berpotensi bernilai RM159.5 juta.
- Kaunter Promosi di *World Future Energy Exhibition 2010* di Abu Dhabi, Emiriyah Arab Bersatu dari 18 hingga 21 Januari 2010 untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan hijau. Sejumlah 45 pertanyaan telah diterima semasa pameran ini.
- Kaunter Promosi di *APEC Green Showcase* di Tokyo, Jepun dari 10 hingga 12 November 2010. Sebanyak 48 pertanyaan telah diterima semasa pameran ini.

1



2

3



4

TAJUK GAMBAR

1 Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed dan HH Sheikha Lubna bertemu para media selepas perasmian MSE 2010 2/3 Pelawat perdagangan dan pembeli mendaftar di MSE 2010 4 MSE 2010 di Dubai International Convention and Exhibition Centre (DICEC)

Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan dikenalpasti sebagai enjin pertumbuhan baru negara dan telah diketengahkan dalam pelbagai rancangan pembangunan termasuk Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ke-10. Pada 2020, sektor perkhidmatan dijangka akan menyumbang 70 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). MATRADE telah mengambil pelbagai langkah untuk menggalak dan meningkatkan kesedaran mengenai keupayaan serta kemahiran pembekal perkhidmatan Malaysia di luar negara melalui program penggalakan eksport dan penjenamaan yang berkesan.

Pada 2010, MATRADE menganjurkan 18 program untuk sektor perkhidmatan melibatkan dua Pameran Perdagangan Antarabangsa, 12 Misi Pemasaran Khusus dan empat Misi Belian, yang disertai oleh pembekal perkhidmatan, kementerian, agensi dan badan kerajaan.

Program ini dilaksanakan oleh MATRADE dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Perbadanan Pembangunan Perkhidmatan Profesional (PSDC), Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), Majlis Perkhidmatan Minyak dan Gas Malaysia (MOGSC), Persatuan Pembinaan Struktur Luar pantai Malaysia (OSFAM), Persatuan Perunding Kejuruteraan Minyak dan Gas Malaysia (MOGEC), Kementerian Kesihatan (MOH), Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Persatuan Francais Malaysia (MFA) dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM).

Program promosi galakan terus memberi penekanan kepada pasaran baru muncul dan membangun seperti ASEAN, Asia Barat, Afrika, Europah dan Amerika Utara.

MATRADE menganjurkan Malaysia Services Exhibition (MSE) pada 2010 bagi menjenama dan mempromosi sektor perkhidmatan Malaysia secara global, khususnya di Asia Barat. MSE adalah pameran solo Malaysia anjuran MATRADE bagi mempamerkan keupayaan pembekal perkhidmatan Malaysia kepada komuniti perniagaan antarabangsa. Buat kali ketiga, MSE telah diadakan dari 13 hingga 15 April 2010 di Dubai International Convention and Exhibition Centre (DICEC), Dubai, Emiriyah Arab Bersatu.

Pameran ini dirasmikan pada 13 April 2010 oleh YB Dato' Seri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan

Antarabangsa dan Industri Malaysia dan HH Sheikha Lubna Khalid Al Qasimi, Menteri Perdagangan Luar, Emiriyah Arab Bersatu.

MSE 2010 telah disertai oleh 180 pembekal perkhidmatan Malaysia, organisasi dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan sektor pembinaan, perkhidmatan profesional, minyak dan gas, maklumat dan teknologi komunikasi, penjagaan kesihatan, kewangan, pendidikan dan francais.

Direktori "Malaysia – Excellence & Capabilities in Green Technology" terbitan MATRADE telah dilancarkan semasa MSE 2010. Penerbitan ini mengenengahkan usaha dan komitmen kerajaan dalam mengurus isu pengeluaran gas rumah hijau dan kemahiran serta keupayaan syarikat Malaysia dalam teknologi hijau.

International Partner Matchmaking Programme (IPMP) telah diperkenalkan buat kali pertama di MSE 2010. Sejumlah 30 syarikat asing dari luar Emiriyah Arab Bersatu menyertai IPMP yang diadakan dari 14 hingga 15 April 2010. Antara rakan negara yang menyertainya adalah Arab Saudi, Syria, Yemen, India, Uzbekistan dan Kazakhstan.

MSE 2010 telah dikunjungi oleh seramai 3,713 pelawat termasuk ahli perniagaan dan pegawai kerajaan dari Emiriyah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Qatar, Yemen, Kuwait, Bahrain, Libya, Syria, Mesir, Jordan, Ethiopia, Palestin, Iran, Uzbekistan, India, Hong Kong, Republik Korea, Sri Lanka dan Amerika Syarikat.

MSE 2010 menunjukkan kesan yang bermakna bagi sektor perkhidmatan Malaysia di Timur Tengah dan rantau sekitarnya. Projek berpotensi bernilai RM12.8 bilion telah dikenalpasti semasa MSE 2010 hasil dari IPMP yang diadakan serentak. Sejumlah 3,925 pertanyaan perdagangan telah diterima semasa pameran ini.

Seni Bina

Perkhidmatan seni bina dikenalpasti oleh MATRADE pada 2010 untuk promosi galakan khusus. MATRADE dengan kerjasama PAM menganjurkan aktiviti penjenamaan perkhidmatan seni bina Malaysia melalui penyertaan dalam *International Architectural Exhibition La Biennale De Venezia* di Venice, Itali dari 26 Ogos hingga 21 November 2010.

Pameran ini merupakan acara ikonik dalam kalendar arkitek seluruh dunia. Pameran seni yang bermula 30 tahun lalu telah menjadi satu pameran seni dan seni bina antarabangsa yang diadakan setiap dua tahun sekali.

Penyenaraian industri seni bina Malaysia di dalam katalog pameran berkenaan merupakan satu testimoni bagi industri seni bina Malaysia di kalangan peneraju industri global. Ini membolehkan Malaysia menganjurkan pameran individu dalam tempoh dua tahun di negara lain untuk mempamerkan hasil rekaan mereka di *12th International Architecture Exhibition La Biennale*. Pavilion Malaysia mempamerkan sejumlah 37 konsep dan model seni binaan dari 22 arkitek dan dua pelajar.

Seramai 44,656 pelawat telah mengunjungi Pavilion Malaysia semasa pameran tiga bulan ini. MATRADE akan bekerjasama dengan PAM untuk mempamerkan rekaan Malaysia di Tokyo, Jepun pada 2011.

1



2



3



2

4



TAJUK GAMBAR

1-4 Peserta Malaysia di *12th International Architecture Exhibition 2010*, Venice, Itali

Pembinaan dan Perkhidmatan Profesional

Pada 2010, MATRADE menganjurkan tiga program promosi galakan bagi sektor pembinaan dan perkhidmatan profesional serta pembekal perkhidmatan yang berkaitan. Program promosi ini terdiri daripada empat Misi Pemasaran Khusus ke Jakarta, Indonesia; Phnom Penh, Kemboja; Vientiane, Laos; dan Colombo,

Sri Lanka. Semasa aktiviti galakan ini, syarikat Malaysia merekodkan jualan berpotensi bernilai RM1.5 bilion dalam pelbagai bidang termasuk antara lain, hartanah dan projek perumahan, hotel, pembinaan jalanraya, kalis air, konsesi tol dan loji tenaga.



TAJUK GAMBAR

1-7 Misi Pemasaran Khusus anjuran MATRADE ke Kemboja - "Malaysia Capabilities in the Construction and related Services Sector" di NagaWorld Hotel, Phnom Penh, Kemboja

Penjagaan Kesihatan

MATRADE menganjurkan tiga program promosi galakan bagi sektor penjagaan kesihatan. Program promosi ini terdiri daripada *Malaysia Healthcare Seminar and Exhibition (MHSE) 2010* ke Phnom Penh, Kemboja yang dianjurkan dengan kerjasama *Malaysian Healthcare Travel Council (MHTC)* dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; dan dua Misi Belian sempena dengan *APHM International Healthcare Conference and Exhibition* dan susulan misi ke MSE 2010 dari Uzbekistan. Aktiviti promosi galakan perdagangan ini menghasilkan jualan berpotensi bernilai RM2.82 juta.



TAJUK GAMBAR

1-4 *Malaysia Healthcare Seminar and Exhibition (MHSE) 2010* di Phnom Penh, Kemboja

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Pertumbuhan positif dalam industri ICT dapat dilihat melalui penggabungan industri dan perkhidmatan awam, inovasi berterusan seperti pengkomputeran mudah alih, perkhidmatan berorientasikan seni bina dan teknologi maklumat hijau serta kemajuan sistem penyelesaian khusus dalam industri baru seperti rangkaian sosial.

Malaysia menyediakan perkhidmatan ICT kepada negara seperti Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Indonesia, Amerika Syarikat, Jepun, Kanada, Perancis, Singapura, Australia, Bahamas dan Turki. Antara perkhidmatan ICT dikenalpasti berpotensi tinggi untuk eksport adalah

penyumberan luar, sistem penyelesaian E-Kerajaan, hiburan dan media, keselamatan dan komunikasi, aplikasi kewangan dan sistem penyelesaian SME.

MATRADE menganjurkan dua program promosi galakan untuk sektor ICT pada 2010 yang menghasilkan jualan langsung sebanyak RM35.83 juta dan jualan berpotensi bernilai RM 112.5 juta. Aktiviti galakan ini adalah:

- CeBIT 2010, Hannover, Jerman
- Misi Pemasaran Khusus berkaitan ICT ke Abu Dhabi, Dubai dan Muscat, Oman sempena dengan GITEX 2010

1



2



Minyak dan Gas

Malaysia juga memulakan inisiatif transformasi ekonomi negara yang menyediakan pemangkin untuk perkembangan industri minyak dan gas. Ini termasuk peningkatan eksport kemahiran tempatan minyak dan gas. Syarikat yang terlibat di dalam industri ini meliputi keseluruhan sektor perkhidmatan berkaitan industri minyak dan gas secara global. Syarikat minyak dan gas Malaysia mempunyai rekod prestasi yang baik di Timur Tengah, Afrika dan pasaran Asia.

MATRADE telah mengendalikan tiga Misi Pemasaran Khusus untuk industri minyak dan gas, termasuk ke Houston, Amerika Syarikat sempena *Offshore Technology Conference 2010*; Turkmenistan sempena *Turkmenistan International Oil & Gas Exhibition 2010*; dan ke Yangon, Myanmar yang menghasilkan jualan berpotensi berjumlah RM994.42 juta. Turkmenistan dan Myanmar merupakan pasaran baru muncul yang dikenalpasti mempunyai potensi tinggi bagi syarikat Malaysia.

1



2



3

TAJUK GAMBAR

1 Seminar berkenaan Peluang Perniagaan di sektor Minyak dan Gas di Myanmar 2 Ahli delegasi Malaysia menyertai seminar Minyak dan Gas di Myanmar 3 Peserta dari Myanmar di seminar Minyak dan Gas

Francais

Pada masa ini, sejumlah 35 produk francais Malaysia berjaya menembusi pasaran antarabangsa dan berada di 49 negara, termasuk Emiriyah Arab Bersatu, Persekutuan Rusia, Perancis, Azerbaijan, Republik Rakyat China, Syria dan ASEAN. Jenama tempatan adalah testimoni bahawa syarikat Malaysia mampu menembusi pasaran antarabangsa melalui model perniagaan yang baik dan pelaburan dalam aktiviti promosi antarabangsa.

Industri francais Malaysia terutamanya berkaitan dengan makanan dan minuman, pakaian, aksesori fesyen, pendidikan, penjagaan anak, penjagaan kesihatan dan kecantikan, kedai serbaneka dan pasar raya, teknologi maklumat, telekomunikasi dan produk elektrik.

MATRADE telah menganjurkan Misi Pemasaran Khusus untuk industri francais ke Kemboja dan Vietnam, yang menjana jualan berpotensi berjumlah RM28.11 juta.

Perkhidmatan Logistik

Malaysia sebagai pusat logistik serantau telah merancang untuk menggabung dan memajukan sistem pengkomputeran dalam semua aspek perniagaan, pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi dengan tujuan memudahkan syarikat dalam industri ini memperoleh maklumat atas talian.

Dengan pertumbuhan perdagangan di kalangan negara-negara ASEAN, jumlah kargo yang akan dikendalikan oleh pelabuhan Malaysia dijangka akan meningkat. Perkhidmatan logistik diramalkan akan mengalami pertumbuhan yang tinggi di rantau Asia

Pasifik, iaitu pada kadar pertumbuhan kompaun tahunan sebanyak 12.9 peratus.

Pada 2010, MATRADE bersama dengan *Federation of Malaysia Freight Forwarders* mengendalikan tiga Misi Pemasaran Khusus untuk pembekal perkhidmatan logistik. Misi ini adalah berkaitan dengan perkhidmatan logistik ke Port of Koper, Slovenia dan Port of Marseilles, Perancis; Yangon, Myanmar; dan perkhidmatan penyumberan luar (rekaan dan kreatif, dan perkhidmatan logistik) ke Buenos Aires, Argentina dan Sao Paulo Brazil. Sebanyak RM38.85 juta jualan berpotensi telah direkodkan hasil dari misi berkenaan.

1



2




3

TAJUK GAMBAR

1/2 Seminar berkenaan Perniagaan Malaysia - Slovenia di Logistic Sector 3 Ahli Delegasi Misi Pemasaran Khusus berkenaan perkhidmatan logistik ke Yangon, Myanmar

Perkhidmatan Sokongan Dagangan

- 70 Memperkasakan Pengeksport
- 71 Membimbing Pengeksport EKS
- 72 Membangun Pengeksport Bumiputera
- 73 Memupuk Pengeksport Wanita
- 74 Sokongan Kewangan
- 76 Pemudahan Eksport
- 77 Pertanyaan Perdagangan
- 82 Anugerah Kecemerlangan Eksport



Pengembangan industri kimia terus menjadi perangsang utama bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia

Eksport kimia dan produk kimia mencatat peningkatan 24.1 peratus pada 2010, bernilai RM40.8 bilion.

Memperkasakan Pengeksport

MATRADE memainkan peranan yang penting di dalam membangunkan keupayaan pengeksport untuk menceburi pasaran global. Pelbagai program telah dianjurkan oleh MATRADE sepanjang 2010 bagi meningkatkan kesedaran mengenai peluang eksport serta kemahiran pemasaran eksport syarikat Malaysia.

MATRADE menganjurkan 39 program latihan pada 2010, termasuk seminar, taklimat dan bengkel untuk komuniti perniagaan Malaysia. Sejumlah 4,817 peserta dari 2,784 syarikat telah mendapat manfaat daripada program-program ini.

Antara skop dan topik yang dibincangkan adalah:

- Peningkatan kemahiran seperti pembiayaan perdagangan untuk pengeksport, strategi menceburi pasaran antarabangsa, *The 12 Steps for Successful Exporting*, penyediaan rancangan eksport, *INCOTERMS* serta pengurusan kewangan dalam mengeksport.
- Peluang pasaran/perniagaan di Emiriah Arab Bersatu, Asia Barat, Poland, ASEAN, Korea, Sweden, Kesatuan Eropah dan Rusia.
- Peningkatan daya saing melalui rekabentuk, pembungkusan produk dan penjenamaan.
- Pemahaman mengenai piawaian dan peraturan teknikal mengeksport.

Acara khusus yang dianjurkan termasuk:

- Taklimat dan Rundingan MATRADE
- *MITI-MATRADE Outreach Programme* dengan pelajar universiti
- *KL International Trade Forum (KLITF)*

MATRADE turut menganjurkan program dengan kerjasama organisasi lain dan sektor swasta seperti berikut:

- Seminar "*Going Global through Online Business with eBay and PayPal*" dengan kerjasama eBay dan PayPal.
- Seminar "*Empowering New Possibilities through Design*" dengan kerjasama Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) dan *Korea Institute of Design Promotion (KIDP)*.
- Taklimat "*The New Faces of Entrepreneurship*" dengan kerjasama *London Business School*.
- *Program Outreach MITI-MATRADE* bersama Para Pelajar IPTA dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI).



TAJUK GAMBAR
1/2 Peserta di sesi Taklimat dan Rundingan (B&C) 2010 MATRADE

Membimbing Pengeksport EKS



1

EKS menerima bantuan khas melalui program khusus yang dianjurkan oleh MATRADE bagi persediaan mereka untuk menceburi pasaran global. Di antara program yang dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan EKS adalah seperti seminar, taklimat, sesi rundingan dan khidmat nasihat yang diadakan meliputi pelbagai topik berkaitan perdagangan seperti kewangan, penjenamaan, pemasaran antarabangsa serta syarat-syarat dan peraturan-peraturan perdagangan.

Antara aktiviti penggalakan utama yang disertai EKS adalah Misi Belian dan Misi Pemasaran Khusus yang dianjurkan oleh MATRADE. Misi Belian menawarkan peluang kepada EKS untuk memasarkan produk dan perkhidmatan secara terus kepada pembeli antarabangsa yang dianjurkan di Malaysia. MATRADE menyediakan bantuan kewangan kepada EKS dalam bentuk geran bersamaan bayaran balik (*reimbursable matching grant*) menerusi Geran Pembangunan Pasaran (MDG). Pada 2010, sebanyak 1,400 EKS telah mendapat manfaat dari geran ini.

Pada 2010, MATRADE telah melaksanakan dua program khas untuk membangun dan membantu EKS iaitu Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP) dan Program Pembangunan Pengeksport Wanita (WEDP). Syarikat yang dipilih untuk mengikuti program bimbingan selama tiga tahun ini telah berjaya meningkatkan kemahiran dan pengetahuan eksport mereka melalui latihan dan aktiviti penggalakan perdagangan.



2

TAJUK GAMBAR

1 Peserta Program Pembangunan Pengeksport Wanita (WEDP) 2010 2 Peserta Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP) 2010

Membangun Pengeksport Bumiputera

Sejumlah 87 syarikat Bumiputera telah mendapat manfaat dari BEDP semenjak perlaksanaannya pada 2003. Pada 2010, MATRADE menganjurkan 40 aktiviti penggalakan antarabangsa untuk syarikat EKS Bumiputera di bawah program BEDP. Sejumlah 29 syarikat yang menyertai aktiviti berkenaan telah merekodkan jualan berpotensi bernilai RM4.8 juta.

Anita Fragrance Sdn Bhd

Anita Fragrance Sdn Bhd yang ditubuhkan pada Mac 2005, dimiliki oleh usahawan wanita yang bermotivasi, Puan Anita Mohamad. Syarikat ini beroperasi sebagai peruncit, pemborong serta pengeluar produk penjagaan badan dan kosmetik. Syarikat ini mengeluarkan pelbagai jenis sabun, krim muka dan badan, losyen, *scrubs*, *masks*, garam mandian, haruman dan minyak wangi di bawah jenama Anita Fragrance.

Syarikat ini telah dipilih untuk menyertai program BEDP pada 2008. Selama tiga tahun di dalam program tersebut, Anita Fragrance telah menyertai aktiviti penggalakan perdagangan antarabangsa termasuk 5th *China ASEAN Expo 2008*, *INTRADE 2008*, *Hong Kong Houseware Fair 2009* dan *Vietnam International Trade Fair 2010*. Pada 2010, syarikat ini telah mencatat jualan eksport sebanyak RM600,000.



1

Melalui penyertaan di dalam BEDP, Anita Fragrance telah berjaya menembusi pasaran eksport seperti Jepun, Vietnam, Kazakhstan dan Singapura. Syarikat ini masih terus gigih berusaha menjadi peneraju dalam bidang kosmetik dan penjenamaan, dengan tujuan menjadi syarikat pertama dari Borneo yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

TAJUK GAMBAR

1 Anita Fragrance Sdn Bhd, sebuah syarikat dibawah Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP) 2010, mengeluarkan produk penjagaan badan dan kosmetik

Memupuk Pengeksport Wanita

Sejumlah 58 syarikat milikan wanita telah mendapat manfaat daripada program WEDP dari 2003 hingga 2010. Pada 2010, MATRADE menganjurkan penyertaan 19 syarikat dalam 41 aktiviti penggalakan antarabangsa di bawah program WEDP. Hasil daripada penyertaan di dalam acara ini, syarikat WEDP telah mencatat jualan berpotensi bernilai RM10.6 juta.

Sebanyak sembilan syarikat telah berjaya mengikuti program WEDP selama tiga tahun bagi sesi 2008-2010.

Noraini Cookies Worldwide Sdn Bhd

Noraini Cookies Worldwide Sdn Bhd ditubuhkan oleh Puan Noraini Ahmad pada 1984. Bermula dengan perniagaan secara kecilan dengan pengeluaran yang terhad, syarikat ini telah berkembang dan menawarkan pelbagai jenis produk seperti biskut dan rempah-ratus di bawah jenama *Noraini's*.


Noraini Cookies telah berjaya mengikuti program WEDP dari 2008 hingga 2010. Syarikat ini telah bergiat aktif di dalam program galakan perdagangan antarabangsa anjuran MATRADE seperti *56th Fancy Food, New York 2010* dan *Fine Food Australia 2010* dan telah berjaya menembusi beberapa pasaran dunia termasuk United Kingdom, Kazakhstan, Vietnam, Singapura dan Brunei.

Melalui penglibatan di dalam pameran perdagangan antarabangsa berkenaan, Noraini Cookies melaporkan jumlah jualan sebanyak RM 2.1 juta dengan nilai eksport RM200,000 pada tahun 2010.

Sokongan Kewangan

Geran Pembangunan Pasaran (MDG)

Geran Pembangunan Pasaran (MDG) menyediakan bantuan kewangan kepada EKS dalam bentuk geran bersamaan bayaran balik (*reimbursable matching grant*) untuk menjalankan aktiviti penggalakan eksport di dalam dan luar negara. Antara aktiviti promosi yang layak dituntut adalah penyertaan di dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa, Misi Perdagangan dan Pelaburan, Misi Pemasaran Khusus dan pencetakan bahan promosi. Jadual berikut menunjukkan pecahan geran mengikut aktiviti yang telah diluluskan pada 2010:



Dana Eksport Perkhidmatan (SEF)


SEF merupakan satu skim yang diberikan kepada Pembekal Perkhidmatan Malaysia untuk menerokai peluang di pasaran antarabangsa. Di bawah program ini, pembekal perkhidmatan layak untuk mendapatkan bayaran balik bagi perbelanjaan berkaitan aktiviti penggalakan eksport. Geran di bawah SEF meliputi perbelanjaan bagi penyertaan di dalam aktiviti penggalakan eksport, pembidaan tender dan kajian kemungkinan (*feasibility studies*) projek antarabangsa.

Pada Mei 2010, SEF telah disemak semula dan kini hanya diperuntukan kepada EKS yang membekalkan

perkhidmatan melalui Geran Pembangunan Pasaran bagi Pembekal Perkhidmatan Malaysia (MDG-MSP). SEF menyediakan bantuan kewangan kepada EKS dalam sektor perkhidmatan yang memulakan aktiviti penggalakan eksport.

Sejumlah 409 pembekal perkhidmatan Malaysia menerima bantuan di bawah geran SEF/MDG-MSP pada 2010.

Carta berikut menunjukkan pecahan geran yang diluluskan mengikut jenis geran:



Pemudahan Eksport

Sesi Taklimat Dan Rundingan Perniagaan (B&C)

Bagi memupuk kesedaran mengenai perkhidmatan, kemudahan dan program bantuan yang ditawarkan, MATRADE telah menganjurkan sesi B&C di seluruh negara. Program ini juga memberi peluang kepada MATRADE untuk mendapat maklumbalas mengenai isu-isu yang dihadapi oleh syarikat Malaysia yang ingin mengeksport.

B&C merangkumi taklimat, dialog dan rundingan bersama pengeksport Malaysia. Wakil daripada

agensi Kerajaan dan organisasi perdagangan yang berkaitan turut hadir bagi memberi maklumbalas ke atas sebarang pertanyaan perdagangan yang dikemukakan.

Pada 2010, MATRADE telah menganjurkan tujuh sesi B&C di Kuala Lumpur, Melaka, Kedah, Kelantan, Sabah, Pahang dan Sarawak. Sesi tersebut telah berjaya menarik penyertaan seramai 1,407 peserta.

Tumpuan Rujukan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)

Dalam usaha meningkatkan kesedaran dikalangan komuniti pengeksport mengenai faedah kepenggunaan FTA, MATRADE telah menganjurkan


program kesedaran FTA di seluruh negara. Taklimat telah diadakan di Kuala Lumpur, Melaka, Kedah, Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak.

Daftar Pengeksport Malaysia (MER)

MATRADE mengendalikan Daftar Pengeksport Malaysia (MER) yang merupakan pangkalan data yang mengandungi maklumat mengenai pengilang, syarikat dagangan, pembekal perkhidmatan dan persatuan perdagangan. Syarikat yang berdaftar di MER menerima maklumat mengenai isu perdagangan, risikan perdagangan, program penggalakan perdagangan serta aktiviti MATRADE. Selain daripada itu, kemudahan pertemuan perniagaan juga diberi keutamaan. Keahlian dalam MER adalah percuma dan pendaftaran boleh dibuat secara atas talian.

Pada 2010, sejumlah 1,334 syarikat tempatan yang terdiri daripada pengilang, syarikat perdagangan, pembekal perkhidmatan, syarikat pengilang kontrak dan persatuan perdagangan telah berdaftar dengan MER. Pangkalan data ini memudahkan penyebaran maklumat kepada ahli MER mengenai program penggalakan, maklumat berkaitan perdagangan dan pertanyaan dari pembeli asing yang berpotensi untuk mendapatkan produk Malaysia. Sehingga akhir tahun 2010, sejumlah 16,747 syarikat telah berdaftar dengan MER.

Daftar Pengeksport Malaysia Mengikut Jenis Perniagaan 2010



Pertanyaan Perdagangan

Pada 2010, MATRADE telah menerima sejumlah 25,970 pertanyaan perdagangan berkenaan produk dan perkhidmatan Malaysia melalui rangkaian globalnya. MATRADE juga menerima sejumlah 8,943 pertanyaan perdagangan *info@matrade.gov.my*. Kebanyakan pertanyaan yang diterima adalah berkenaan penyumberan produk dan perkhidmatan Malaysia, senarai aktiviti perdagangan luar negara dan tempatan, permohonan MER, maklumat mengenai MDG serta maklumat mengenai pemudahan eksport seperti tarif kastam, syarat dan peraturan serta dokumentasi eksport.

Pertanyaan Perdagangan yang diterima Mengikut Rantau

Asia Barat	7536
Asia Timur Laut	4576
Eropah	4531
Asia Tenggara	3047
Amerika Utara	2728
Afrika	1309
Amerika Latin	1177
Asia Selatan	679
Oceania	387

JUMLAH

25,970

Pusat Pameran Eksport Malaysia (MEEC)

Pusat Pameran Eksport Malaysia (MEEC), merupakan pusat pameran kekal untuk mempamerkan pelbagai produk serta perkhidmatan Malaysia. Pada 2010, sejumlah 391 syarikat Malaysia yang meliputi 35 sektor produk dan perkhidmatan telah mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka di MEEC.

Antara produk yang dipamerkan adalah makanan dan minuman, produk kayu, getah, automotif dan alat ganti automotif serta kimia dan produk kimia. Sektor perkhidmatan yang dipamerkan adalah pendidikan, francais, kewangan dan logistik. Hampir 80 peratus pempamer di MEEC adalah terdiri daripada EKS.

MEEC menganjurkan pertemuan perniagaan antara pembeli antarabangsa dengan pengeksport tempatan. Pada 2010, sebanyak 181 pertemuan perniagaan telah diaturkan di antara syarikat Malaysia dengan pembeli asing. MEEC menerima kunjungan 6,412 pelawat tempatan dan asing serta 4,940 pertanyaan perdagangan pada 2010.



1



2



3

TAJUK GAMBAR

1/2/3 Sampel produk Malaysia yang dipamerkan di pusat pameran kekal yang diurus oleh MATRADE

MATRADE Help Desk (MHD)


MATRADE help desk (MHD) di ibu pejabat MATRADE merupakan tumpuan rujukan utama bagi pengendalian pertanyaan perdagangan daripada ahli komuniti perniagaan tempatan dan asing mengenai program dan perkhidmatan MATRADE. Pertanyaan diterima melalui telefon, e-mel serta kunjungan pelawat. Pada 2010, MHD menerima 536 pertanyaan daripada syarikat tempatan dan luar negara. Pertanyaan ini meliputi pelbagai perkara dari permohonan untuk geran, program penggalakan, pendaftaran dengan MATRADE, maklumat pasaran serta produk dan perkhidmatan di Malaysia.

Perpustakaan Perniagaan MATRADE

Perpustakaan Perniagaan MATRADE (BIC) merupakan salah sebuah perpustakaan perniagaan yang menawarkan perkhidmatan komprehensif di Malaysia. BIC menyediakan sumber utama maklumat untuk komuniti perniagaan, termasuk pangkalan data atas talian, direktori, penerbitan berkala, buku, laporan pasaran, petunjuk perdagangan, data statistik dan CD-ROM bagi memudahkan kajian perdagangan yang meliputi produk, perkhidmatan dan pasaran.

BIC sentiasa mengemaskini data dan maklumat termasuk statistik perdagangan, laporan pasaran, profil negara, petunjuk perdagangan, tarif kastam, syarat dan peraturan serta berita perdagangan. Pada 2010, BIC telah menerima 3,895 pertanyaan dan 2,667 pelawat dan perkhidmatannya telah dimanfaatkan oleh 4,593 pengguna. BIC telah dilengkapi dengan 1,163 buku, 395 direktori, 1,109 penerbitan berkala dan 104 CD-ROM serta memiliki 23 pangkalan data, termasuk *Basisnet* dan *KOMPASS Extranet*.

Pertanyaan Rujukan Mengikut Perkara



Senarai Pangkalan Data Mengikut Penggunaan

<i>World Trade Atlas Online</i>	2,424
<i>nexis.com</i>	2,188
Pengeksport Malaysia	1,573
<i>Global Market Information Database</i>	1,462
<i>eiu.com</i>	1,411
Hubungan Perniagaan	737
Pengimport Asing	623
Pameran Perdagangan	42

Statistik Perdagangan Malaysia	12
Lain-lain	37
• Misi Perdagangan	12
• <i>The Tariff Finder Online</i>	8
• Program Latihan Pengeksport	7
• <i>The Public Ledger</i>	4
• Konvensyen dan Pameran	4
• Lain-lain Acara Promosi	2

JUMLAH

10,509

Inisiatif Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT)

MATRADE mengambil inisiatif ICT bagi menyokong perniagaan terasnya dan menyampaikan maklumat tepat untuk penganalisaan perniagaan serta proses membuat keputusan. Inisiatif utama merangkumi pembangunan lima tahun MATRADE dalam Rancangan Strategik ICT (ISP), di mana akan menjajarkan strategi ICT dengan strategi perniagaannya bagi menyediakan perkhidmatan

yang bermutu tinggi kepada pelanggan dalaman dan luaran.

Bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan pada 2010, MATRADE telah menyiapkan applikasi dan infrastruktur IT. Pangkalan data baru yang dibangunkan termasuk *Core Business Management System*, *Malaysia Export Import Information System (MEXIIS)*, *Diaspora database* dan data pengeksport Bumiputera.

Laman Portal MATRADE

Laman portal MATRADE, www.matrade.gov.my, telah dipertingkatkan untuk menjadi lebih mesra pelanggan dimana kandungannya dibahagikan kepada dua pelanggan utama; pengeksport Malaysia dan pembeli asing. Portal ini kekal sebagai perantara penting bagi menyebarkan maklumat mengenai perkhidmatan MATRADE dan maklumat berkaitan perdagangan, serta

